



UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN

CETAKAN SEMULA

UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN KELANTAN

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2023

DICETAK DENGAN
KUASA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA MENURUT
PERKARA 65 (1) BAHAGIAN YANG PERTAMA UNDANG-UNDANG
PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN KELANTAN

UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN KELANTAN

Pertama kali diisytiharkan sebagai
Undang-Undang Perlembagaan
Tubuh Kerajaan Negeri Kelantan
(Bahagian Yang Pertama) 1 Februari 1948

Kemudiannya Undang-Undang
Perlembagaan Tubuh Kerajaan
Kelantan, Bahagian Yang Kedua telah
diisytiharkan 2 Ogos 1956

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
SUSUNAN PERKARA	5 - 11
BAHAGIAN YANG PERTAMA UNDANG- UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN KELANTAN	13 - 56
BAHAGIAN YANG KEDUA UNDANG- UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN KELANTAN	57 - 91
SENARAI PINDAAN	92 - 95
SENARAI PERKARA YANG DIPINDA	96 - 103

UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN

UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN KELANTAN

SUSUNAN PERKARA

BAHAGIAN YANG PERTAMA

Perkara

1. Bahagian Yang Pertama kepada Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan
2. *(Dipotong)*
3. Pindaan kepada Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan
4. Makna
5. Agama Negeri
6. Yang Maha Mulia menjadi Ketua Agama Negeri
7. Raja memerintah menurut undang-undang
8. Mohor Negeri
- 8A. Cogan kata Kerajaan, Bendera dan Alatan Kebesaran Kerajaan
9. Perwakilan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia di dalam Majlis Mesyuarat Raja-Raja Melayu

KUASA MEMERINTAH

10. Kuasa memerintah
11. Kuasa memerintah kena dibuat atas nama Kebawah Duli Yang Maha Mulia
12. Pelantikan Menteri Besar
13. Pelantikan pegawai-pegawai
- 13A. *(Dipotong)*
14. *(Dipotong)*
15. Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah mengikut nasihat
16. Majlis Mesyuarat Kerajaan

Perkara

17. Sumpah jawatan
18. *(Dipotong)*
19. *(Dipotong)*
20. *(Dipotong)*
21. Cukup bilangan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan
22. *(Dipotong)*
23. *(Dipotong)*
24. *(Dipotong)*
25. Rayuan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat
26. Minit-minit
27. Bahasa rasmi dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan

KUASA MEMBERI AMPUN

- 27A. Kuasa memberi ampun

SYARAT ISTIMEWA BERSABIT DENGAN
ORANG MELAYU

- 27B. Bahagian peruntukan berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan, permit-permit, dan lain-lainnya, bagi orang Melayu

DEWAN NEGERI
(LEGISLATIVE ASSEMBLY)

28. Badan Undangan bagi Negeri
29. Ahli-ahli Dewan Negeri
- 29A. *(Dipotong)*
- 29B. *(Dipotong)*
30. Kelayakan ahli-ahli
31. Tidak layak menjadi ahli Dewan Negeri
- 31A. Kekosongan kerusi kerana peletakan jawatan, dsb., daripada parti politik
32. Keputusan bersabit dengan tidak layak
33. Syarat-syarat yang menyekat seorang itu menjadi ahli berganda
34. Akibat tidak layak dan tegahan lantikan dengan tiada persetujuan

Perkara

- 35. *(Dipotong)*
- 35A. *(Dipotong)*
- 36. Cukup bilangan
- 37. Berhentian ahli
- 38. Ketiadaan hadir mana-mana ahli
- 39. Menjalankan kuasa membuat undang-undang
- 40. Mengisytiharkan Rang Undang-Undang
- 41. Perkataan mengundang undang-undang
- 42. Ucapan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia
- 43. Rang Undang-Undang daripada ahli
- 44. Peraturan Dewan Negeri
- 45. Speaker Dewan Negeri
- 46. Memanggil, memberhenti dan membubarkan Dewan Negeri
- 47. Sumpah ahli
- 48. Upahan bagi ahli
- 49. Minit-minit
- 50. Bahasa Dewan Negeri
- 51. Kebebasan

HAL EHWAL WANG

- 52. Tiada pencukaian melainkan jika dibenarkan oleh undang-undang
- 53. Perbelanjaan yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Yang Disatukan
- 54. Penyata kewangan tahunan
- 55. Rang Undang-Undang Perbekalan
- 56. Perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih
- 57. Pengambilan keluar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan
- 58. *(Dipotong)*
- 59. Kuasa Negeri berkenaan dengan harta benda, ikatan kira dan mal
- 60. Layanan saksama kepada pekerja-pekerja Negeri

Perkara

61. Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri
62. Kelebihan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tersimpan

PENGERTIAN

63. Pengertian bagi Undang-Undang Perlembagaan

PERUNTUKAN PERALIHAN

64. Syarat-syarat peralihan tentang kandungan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan
65. Mencetak semula Undang-Undang Perlembagaan

JADUAL YANG PERTAMA

BAHAGIAN YANG KEDUA

1. Bahagian Yang Kedua kepada Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan
2. *(Dipotong)*
3. Kuasa-kuasa pada meminda
4. Pengertian

MAJLIS PERAJAAN NEGERI

5. Penubuhan Majlis Perajaan Negeri
6. Pengesahan naik Takhta
7. Ahli dan pelantikan
- 7A. Sumpah
- 7B. Tambahan kepada lafaz sumpah
8. Panggilan dan mesyuarat kerana mengesahkan kenaikan ke atas Takhta
9. Pilihan dan pelantikan Raja apakala tiada Bakal-Bakal Waris yang berhak atau keengganan mengesahkan mana-mana Bakal Waris yang berhak itu
10. Panggilan Majlis Perajaan Negeri kerana memilih dan melantik Raja
11. Pengundian dan keputusan-keputusan
12. Persidangan-persidangan

Perkara

13. Minit-minit dan rekod-rekod
14. Persidangan Majlis Perajaan Negeri kerana memilih dan melantik Bakal Raja
- 14A. Takrif "Yang di-Pertua"

RAJA

15. Raja dan Bakal-Bakal Raja hendaklah orang Melayu daripada darah raja dan beragama Islam
16. Keturunan zuriat Sultan Ismail Petra
17. Keturunan zuriat Al-Marhum Sultan Yahya Petra, Al-Marhum Sultan Ibrahim, Al-Marhum Tengku Long Senik Sultan Mohamed IV, Al-Marhum Sultan Mohamed 111 (Sultan Bongsu), Al-Marhum Sultan Ahmad (Sultan Tengah), Al-Marhum Sultan Mohamed 11 (Sultan Mulut Merah)
18. Ketidadaan keturunan zuriat Al-Marhum Sultan Yahya Petra, Al-Marhum Sultan Ibrahim, Al-Marhum Tengku Long Senik Sultan Mohamed IV, Al-Marhum Sultan Mohamed 111 (Sultan Bongsu), Al-Marhum Sultan Ahmad (Sultan Tengah), Al-Marhum Sultan Mohamed 11 (Sultan Mulut Merah)
19. Raja belum cukup umur dan Majlis Pangkuan Raja
20. *(Dipotong)*
21. Tempoh di antara kemangkatan Raja dan pengesahan Penggantinya
22. Tempoh di antara kemangkatan Raja dan pelantikan Penggantinya
- 22A. Pangkuan Raja
- 22B. Upahan bagi Raja atau Majlis Pangkuan Raja
23. Kelucutan Takhta Kerajaan kerana lama meninggalkan Negeri
- 23A. Kelucutan Takhta Kerajaan kerana kecacatan yang besar dan berat
24. Raja turun Takhta Kerajaan
25. Pilihan Raja baharu

RAJA PEREMPUAN

26. Kuasa melantik Raja Perempuan Kelantan

WARIS

27. Pelantikan Waris
28. Waris-Waris tidak boleh mengganggu di dalam hal ehwal Negeri

Perkara

29. Waris-Waris hendaklah orang Melayu daripada darah raja yang beragama Islam
30. Keturunan zuriat Sultan Ismail Petra
31. Keturunan zuriat Al-Marhum Sultan Yahya Petra, Al-Marhum Sultan Ibrahim, Al-Marhum Tengku Long Senik Sultan Mohamed IV, Al-Marhum Sultan Mohamed III (Sultan Bongsu), Al-Marhum Sultan Ahmad (Sultan Tengah), Al-Marhum Sultan Mohamed 11 (Sultan Mulut Merah)
32. Waris meninggalkan Negeri dengan lama
33. Melucutkan dirinya daripada menjadi Waris

PERKARA AM

34. Kelantan tidak boleh diserahkan
35. Elaun

MAJLIS PENASIHAT RAJA

36. Penubuhan Majlis Penasihat Raja
37. Sumpah
38. Permohonan berhenti
39. Pelantikan semula
40. Panggilan mesyuarat
41. Cukup bilangan
42. Pembuangan
43. Gelaran dan kebesaran
44. Mengadakan gelaran Bendahara, Temenggong, Laksamana, Panglima dan lain-lain pangkat dan gelaran yang biasa dipakai dahulu
- 44A. Sumpah
- 44B. Tambahan kepada lafaz sumpah
- 44C. Pengecualian mengangkat dan/atau menandatangani sumpah
45. Kuasa menurunkan pangkat
46. Hak-hak kelebihan dan milik raja
47. Jiwa Kedaulatan
48. Kemuliaan

Perkara

49. Balai penghadapan dan istana raja
50. Darjah, Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat yang tersebut di dalam Perwawai No. 2 Tahun 1939 (Persiaran 221 Tahun 1939) diperkekalkan selama-lamanya
51. *(Dipotong)*
52. Kelebihan Raja tersimpan

UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN

UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN KELANTAN

BAHAGIAN YANG PERTAMA



IBRAHIM

(Tandatangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia)

(MOHOR)

Bismillahirrahmanirrahim

*Alhamdulillah Rabbil 'alamin, wassolatu wassalamu ala Sayyidina
Muhammad wa ala Alihi wa Sahbihi ajmain.*

ALWATHIQ BILLAHI IBRAHIM bagi Kerajaan dan Jajahan Kelantan dan segala Daerah Takluknya, Sultan dan Raja, Raja dan Ketua bagi Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati, Raja dan Ketua bagi Darjah Kebesaran Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia, Raja dan Ketua bagi Darjah Kebesaran Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia dan Taulan bagi Darjah Kebesaran, Saint Michael dan Saint George Yang Amat Terbilang:

BAHAWA KITA telah mengaku di dalam Perjanjian yang KITA telah buat dengan YANG MAHA MULIA BAGINDA KING pada 21 haribulan Januari tahun 1948 (yang kemudian daripada ini digelar "Perjanjian Kelantan Tahun 1948"), hendaklah memerintah Negeri Kelantan KITA tertakluk kepada syarat-syarat satu Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan yang bertulis yang akan berbetulan dengan Perjanjian yang tersebut itu dan juga dengan Perjanjian yang lain lagi yang KITA telah buat dengan YANG MAHAMULIABAGINDAKING pada 21 haribulan Januari Tahun 1948 (yang kemudian daripada ini digelar "Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu Tahun 1948"):

DAN BAHAWA KITA telah bersetuju di dalam Perjanjian Kelantan Tahun 1948, iaitu Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan yang bertulis yang tersebut itu akan dikurnia dan dijalankan oleh KITA dengan seberapa segeranya yang boleh atau, jika KITA fikir dikehendaki dengan Bahagian-Bahagian dari suatu masa ke suatu masa:

DAN BAHAWA kerana menurut pengakuan KITA yang diberi di dalam Perjanjian Kelantan Tahun 1948, mustahaklah dengan serta-merta KITA menguasai dan melantikkan dua buah Majlis Mesyuarat kerana membantu dan menasihati KITA di dalam pekerjaan memerintah Negeri Kelantan KITA, iaitu sebuah Majlis Mesyuarat Kerajaan yang akan digelar di dalam bahasa Inggeris "State Executive Council", dan sebuah Majlis Mesyuarat Negeri yang akan digelar di dalam bahasa Inggeris "Council of State" dan KITA sifatkan dikehendaki yang KITA patut mengadakan syarat-syarat lagi bagi memerintah dan kemakmuran Negeri Kelantan KITA:

DAN BAHAWA KITA memikirkan dikehendaki iaitu hal memberi kuasa dan pelantikan kedua-dua buah Majlis Mesyuarat yang tersebut itu dan mengadakan syarat-syarat lagi yang tersebut itu hendaklah dijadikan Bahagian Yang Pertama bagi Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan yang bertulis yang tersebut itu:

MAKA YANG DEMIKIAN ADALAH KITA, dengan hak-hak dan kuat kuasa kelebihan KITA sebagai Sultan dan Raja bagi Negeri Kelantan dengan nasihat, persertaan dan persetujuan Pegawai-Pegawai Melayu KITA Yang Kanan dan Orang-Orang Besar Negeri Kelantan KITA, dengan ini MENYATAKAN DAN MENITAHKAN dengan nama KITA, dan bagi pihak KITA, dan bagi dan kerana pihak Waris Ganti KITA, bagaimana yang kemudian ini tersebut:

UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN

Bahagian Yang Pertama kepada Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan

1. Adapun Perkara-Perkara yang terkandung di dalam ini (yang kemudian daripada ini digelar "Bahagian ini") hendaklah menjadi Bahagian Yang Pertama kepada Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Negeri Kelantan yang akan digelar di dalam bahasa Inggeris "The Laws of the Constitution of Kelantan" dan

hendaklah dibaca dengan terkena kepada Perlembagaan Persekutuan dan hendaklah berjalan kuasanya dengan serta-merta.

2. *(Dipotong oleh G.N. No. 181/1959).*

Pindaan kepada Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan

3. (1) Syarat-syarat yang berikut daripada Perkara ini hendaklah berjalan kuat kuasa berkenaan dengan pindaan Bahagian ini.

(2) Syarat-syarat Bahagian ini, selain Perkara-Perkara 5 dan 6 bolehlah, dengan terkena kepada Fasal (3), dipinda dengan satu undang-undang dari Badan Undangan Negeri dan tidaklah boleh dipinda dengan mana-mana jalan yang lain.

(3) Sesuatu Rang Undang-Undang kerana membuat suatu pindaan kepada Bahagian ini hendaklah tidak dilulus oleh Dewan Negeri melainkan telah disokong pada masa Bacaan-Bacaan Kali Yang Kedua dan Yang Ketiga dengan undi-undi yang tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahlinya.

(3A) Pindaan yang berikut adalah dikecualikan daripada Fasal (3), iaitu-mana-mana pindaan kepada takrif wilayah Negeri yang dibuat akibat daripada kelulusan sesuatu undang-undang mengubahkan sempadan-sempadan Negeri di bawah Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan yang mana Badan Undangan Negeri dan Majlis Raja-Raja telah memberi persetujuan di bawah Perkara tersebut.

(4) Di dalam Perkara ini "pindaan" termasuk tambahan dan pembatalan.

Makna

4. (1) Di dalam Bahagian ini, melainkan nasnya berkehendak makna lain -

"Badan Undangan" maknanya pihak yang berkuasa yang mempunyai kuasa di bawah Perlembagaan ini pada membuat undang-undang bagi Negeri ini;

"Dewan Negeri" maknanya Dewan Negeri bagi Negeri itu;

"jawatankuasa" maknanya sesuatu jawatankuasa yang terdiri dari kesemua ahli Dewan Negeri atau mana-mana jawatankuasa tetap, jawatankuasa terpilih, jawatankuasa khas atau jawatankuasa yang lain bagi Dewan Negeri itu atau dilantik oleh Dewan itu;

"Kebawah Duli Yang Maha Mulia" maknanya Sultan bagi Negeri dan termasuk Waris Gantinya dan, jika berbetulan dengan maknanya termasuk Al-Marhum Raja-Raja yang memerintah yang dahulu daripadanya dan, jika ada Pangkuan Raja, termasuk Pemangku Raja atau jika ada Majlis Pangkuan Raja, termasuk Majlis itu;

"Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat" maknanya Kebawah Duli Yang Maha Mulia menjalankan kerja mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan;

"Kumpulan Wang Yang Disatukan" maknanya Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Negeri;

"Majlis Mesyuarat Kerajaan" maknanya Majlis Mesyuarat yang telah ditubuhkan di bawah syarat Bahagian ini;

"Menteri Besar" maknanya pegawai yang dilantik dengan kerana Perkara 12 dan, hendaklah termasuk sama Timbalan Menteri Besar;

"Negeri" maknanya Negeri Kelantan dan termasuk semua jajahan takluknya, pulau-pulau dan tempat-tempat yang pada satu haribulan Disember 1941, telah ditadbirkan menjadi bahagian daripadanya, dan lautan kawasan berhampiran dengannya;

"parti politik" ertinya –

- (a) mana-mana pertubuhan yang menurut mana-mana tujuan atau kaedahnya, tidak kira sama ada tujuan atau kaedah itu merupakan tujuan atau kaedah utamanya, atau semata-mata merupakan tujuan atau kaedah yang menjadi tambahan kepada tujuan atau tujuan-tujuan utamanya atau kepada kaedah atau kaedah-kaedah utamanya, mengadakan peruntukan bagi pertubuhan itu menyertai, melalui calon-calonnya, dalam pemilihan ke Dewan Rakyat, atau ke Dewan Undangan Negeri; atau
- (b) mana-mana pertubuhan yang, walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam tujuan-tujuan atau kaedah-kaedahnya, menjalankan apa-apa aktiviti atau meneruskan apa-apa tujuan yang melibatkan penyertaannya, melalui calonnya, dalam pemilihan ke Dewan Rakyat, atau ke Dewan Undangan Negeri,

dan termasuklah gabungan pertubuhan sedemikian yang telah didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang persekutuan;’.

"Pegawai Kewangan Negeri" maknanya Pegawai yang telah dilantik kerana sebab Perkara 13;

"Penasihat Undang-Undang Negeri" maknanya Penasihat Undang-Undang Negeri yang dilantik dengan kerana Perkara 13;

"Perlembagaan Persekutuan" maknanya Perlembagaan bagi Persekutuan;

"persidangan" maknanya perhimpunan duduk mesyuarat satu Dewan yang dilembagakan di bawah Bahagian ini mulai daripada Dewan itu pada mulanya bersidang lepas daripada telah dipanggil pada mana-mana waktu dan habis apabila Dewan itu ditangguhkan dengan tidak di tetap hari atau apabila habis satu tempoh mesyuarat dengan tidak bertanggung;

"pilihan" maknanya sesuatu pilihan bagi maksud memilih seseorang ahli bagi Dewan Negeri;

"pilihan raya" maknanya kesemua pilihan-pilihan yang dijalankan kemudian daripada dibubarkan Dewan Negeri itu;

"rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia" maknanya ialah mana-mana orang yang di bawah undang-undang yang bertulis yang pada masa itu berjalan kuat kuasanya di dalam Negeri ini menjadi seorang rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja bagi Negeri Kelantan;

"Setiausaha Kerajaan" maknanya Pegawai yang telah dilantik kerana sebab Perkara 13;

"tempoh mesyuarat" maknanya permesyuaratan Dewan Negeri mulai apabila Dewan itu bermesyuarat kali yang pertama kemudian daripada ditubuhkan atau kemudian daripada diberhenti ataupun dibubarkan pada bila-bila masa dan habisnya apabila Dewan itu diberhenti ataupun dibubarkan dengan tidak diberhentikan;

"warganegara Persekutuan Tanah Melayu" maknanya seseorang yang menjadi warganegara Persekutuan dengan kerana Bahagian III daripada Perlembagaan Persekutuan;

"Yang di-Pertuan Agong" maknanya Yang di-Pertuan Agong Persekutuan, dan termasuk Timbalan Yang di-Pertuan Agong atau seseorang Raja yang menjalankan menurut undang-undang tanggungan-tanggungan Yang di-Pertuan Agong.

(1A) (*Dipotong oleh G.N. No. 181/1959*).

(2) Dengan terkena kepada syarat-syarat yang disebutkan dahulu daripada Perkara ini, maka Fasal (2) dan (4) daripada Perkara 160 daripada Perlembagaan Persekutuan hendaklah dipakai bagi memberi pengertian kepada Bahagian ini sebagaimana dipakainya bagi memberi pengertian kepada Perlembagaan Persekutuan.

(3) Melainkan nasnya berkehendakkan pengertian yang lain maka mana-mana perujukan di dalam Bahagian ini kepada suatu Perkara, Bahagian atau Jadual yang tertentu ialah perujukan kepada Perkara atau Bahagian ataupun Jadual itu kepada Bahagian ini; dan mana-mana perujukan kepada suatu Fasal yang tertentu ialah perujukan kepada Fasal itu bagi Perkara yang perujukan berlaku.

(4) Melainkan jika pengertian bagi mana-mana perkataan atau sebutan disyaratkan dengan khas oleh Bahagian ini atau Perlembagaan Persekutuan atau jika nasnya berkehendakkan pengertian yang lain maka *Ordinan Tafsiran dan Fasal-Fasal Am Tahun 1948 [*M.U. 7 tahun 1948*], hendaklah dipakai bagi memberi pengertian kepada Bahagian ini sebagaimana dipakainya bagi memberi pengertian kepada mana-mana undang-undang yang bertulis.

Agama Negeri

5. Adalah agama Negeri itu hendaklah agama Islam sebagaimana yang dahulu-dahulu dipegang dan dijalankan di dalam Negeri:

Dengan syarat segala agama lain bolehlah dijalankan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang memegang agama-agama itu di dalam mana-mana bahagian daripada Negeri.

Yang Maha Mulia menjadi Ketua Agama Negeri

6. (1) Adapun Ketua bagi Agama Negeri ini ialah Yang Maha Mulia dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu, di dalam bahasa Inggeris "Council of Religion and Malay Custom", yang ditubuh di bawah undang-undang Negeri yang ada sekarang, hendaklah terus membantu dan menasihat Yang Maha Mulia mengikut undang-undang itu.

(2) Dengan tidak mengendahkan bahawa ada seorang Pemangku Raja di dalam Negeri dengan sebab Yang Maha Mulia itu dipilih memegang jawatan, atau menjalankan tanggungan Yang diPertuan Agong, Yang Maha Mulia hendaklah terus menjalankan tanggungan-tanggungannya sebagai Ketua bagi Agama Negeri.

*CATATAN-Ordinan ini telah disatukan dan disemak menjadi Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*] mula berkuat kuasa pada 19 Oktober 1989.

(3) Yang Maha Mulia sebagai Ketua bagi Agama Negeri hendaklah mengikut syarat-syarat Perlembagaan Persekutuan membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya di dalam manamana perbuatan, pemerhatian atau istiadat bagi agama Islam yang mana mengikut persetujuan Majlis Mesyuarat Raja-Raja Melayu adalah meluasi Persekutuan seumumnya.

Raja memerintah menurut undang-undang

7. Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah melaku membawa dirinya kepada semua rakyatnya dan kepada semua orang yang duduk di dalam Negeri dengan keadaan adil dan memerintah menurut undang-undang. Tiadalah boleh seseorang itu dihilangkan kemerdekaannya, ditahan atau dipenjara akan dia melainkan dengan mengikut penjalanan undang-undang. Kebebasan dan kemerdekaan segala orang yang tidak ditegah oleh perbuatan benar dan adil bagi undang-undang itu ialah asas bagi kesemua kerajaan yang baik.

Mohor Negeri

8. Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah menyimpan dan menggunakan Mohor Kerajaan bagi Negeri Kelantan kerana mengecap semua perkara yang kena dibubuh Mohor itu.

Cogan kata Kerajaan, Bendera dan Alatan Kebesaran Kerajaan

8A. Cogan kata Kerajaan, iaitu "Berserah kepada Tuhan Kerajaan Kelantan", dan Jata Kerajaan dan Mahkota serta segala Alatan-Alatan Kerajaan dan Bendera Raja, dan Bendera Negeri hendaklah selama-lamanya dipakai dan diperkekalkan dengan rupa dan keadaannya seperti dahulu juga.

Pewakilan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di dalam Majlis Mesyuarat Raja-Raja Melayu

9. (1) Maka berkuasalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia melantikkan dengan Surat di bawah ini tandatangannya dan Mohor Negeri mana-mana orang dari bangsa Melayu dan beragama Islam mengambil tempatnya sebagai seorang ahli Majlis Mesyuarat Raja-Raja Melayu.

(2) Tiap-tiap pelantikan itu hendaklah bagi satu tempoh dan hendaklah terkena kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang ditetapkan di dalamnya.

KUASA MEMERINTAH**Kuasa memerintah**

10. Kuasa memerintah bagi Negeri ini hendaklah diserahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia tetapi tanggungan-tanggungan bolehlah di bawah undang-undang, dikurniakan kepada mana-mana orang atau mana-mana kuasa.

Kuasa memerintah kena dibuat atas nama Kebawah Duli Yang Maha Mulia

11. Semua kuasa memerintah bagi Kerajaan Negeri hendaklah disebut telah dibuat atas nama Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Pelantikan Menteri Besar

12. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah melantik dengan Surat di bawah tandatangannya dan Mohor Negeri, seorang Menteri Besar mengikut syarat-syarat perenggan (a) daripada Fasal (2) daripada Perkara 16.

(1A) Maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah melantik dengan Surat di bawah tandatangannya dan Mohor Negeri, seorang Timbalan Menteri Besar mengikut syarat-syarat perenggan (c) daripada Fasal (2) daripada Perkara 16.

(2) Dengan terkena kepada syarat-syarat Fasal (4) daripada Perkara 16, maka tidaklah boleh dilantik siapa-siapa menjadi Menteri Besar atau Timbalan Menteri Besar melainkan ia itu daripada bangsa Melayu, rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan beragama Islam.

Pelantikan pegawai-pegawai

13. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah dengan pengesyoran daripada Suruhanjaya yang munasabah dengan Surat di bawah tandatangannya dan Mohor Negeri, melantikkan mana-mana orang memegang jawatan sepenuh masa di dalam perkhidmatan awam masing-masingnya menjadi Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri:

Dengan syarat bahawa sebelum berlaku di atas pengesyoran Suruhanjaya Perkhidmatan itu maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah menimbang nasihat Menteri Besar dan boleh sekali merujuk balik pengesyoran itu kepada Suruhanjaya itu supaya dapat ditimbangnyanya semula:

Dan dengan syarat bahawa jikalau Suruhanjaya Perkhidmatan tidak mempunyai kuasa berkenaan dengan mana-mana pelantikan daripada pegawai-pegawai yang tersebut di dalam Fasal ini maka pelantikan itu bolehlah diperbuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang melakukan mengikut timbangannya.

(2) (a) Setiausaha kerajaan, yang hendaklah daripada bangsa Melayu dan beragama Islam hendaklah menjadi pegawai kanan menjaga segala urusan tadbiran bagi Negeri.

(b) Penasihat Undang-Undang Negeri hendaklah memberi nasihat di dalam perkara undang-undang yang diedarkan kepadanya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau Kerajaan Negeri.

(c) Pegawai Kewangan Negeri hendaklah menjadi pegawai kanan menjaga segala urusan kewangan Negeri.

(3) Tiap-tiap seorang pegawai yang seumpama itu hendaklah diberi hak mengambil bahagian di dalam perjalanan Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Dewan Negeri dan boleh dilantik menjadi seorang ahli mana-mana jawatankuasa Dewan itu tetapi tidaklah boleh mengundi di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan atau Dewan Negeri atau pun di dalam mana-mana jawatankuasa yang seumpama itu.

(4) Dahulu daripada mana-mana pegawai itu hadir mula-mula sekali persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan, maka hendaklah pegawai itu mengangkat sumpah dan tandatangan di hadapan Menteri Besar, sumpah rahsia yang berikut:

"Bahawa saya,, dengan sesungguhnya mengangkat sumpah (atau berikrar) bahawa saya tidak akan menyampaikan atau membukakan dengan terus atau tidak terus kepada mana-mana orang akan apa-apa perkara yang dibawa bagi pertimbangan saya ataupun diketahui oleh saya dalam masa saya menghadiri Majlis Mesyuarat Kerajaan melainkan sebagaimana yang dikehendaki bagi menunaikan kewajipan-kewajipan saya dengan sepenuhnya seumpama itu atau sebagaimana yang dibenarkan dengan khasnya oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan."

(5) Orang yang masing-masingnya memegang jawatan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri dahulu sedikit daripada berjalan kuat kuasa Perkara itu hendaklah terus memegang jawatan itu dengan keadaan serupa juga kiranya ia telah dilantik di bawah Perkara ini.

13A. *(Dipotong oleh G.N. No. 181/1959).*

14. *(Dipotong oleh G.N. No. 181/1959).*

Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah mengikut nasihat

15. (1) Pada menjalankan kewajipan-kewajipannya menurut Perlembagaan ini atau mengikut apa-apa jua undang-undang atau sebagai ahli Majlis Raja-Raja, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan atau nasihat ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang menjalankan kewajipan menurut kuasa-kuasa am Majlis Mesyuarat Kerajaan jika disyaratkan pada akasnya oleh undang-undang Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan ini, tetapi berhak boleh meminta apa-apa keterangan berkenaan dengan tadbir Negeri itu yang ada kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia bolehlah memutuskan mengikut timbangannya di dalam menjalankan kewajipan-kewajipan yang tersebut di bawah ini (selain daripada kewajipan-kewajipan yang boleh diputuskan mengikut timbangannya menurut Perlembagaan Persekutuan) iaitu –

- (a) melantik Menteri Besar;
- (b) menahankan persetujuannya di atas permintaan hendak membubarkan Dewan Negeri itu;
- (c) meminta diadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja yang semata-mata berkenaan dengan kebebasan-kebebasan, taraf kedudukannya, kehormatan-kehormatan dan darjah kebesaran Kebawah Duli-Duli Yang Maha Mulia atau berkenaan dengan perkara-perkara, upacara-upacara atau istiadat agama;
- (d) apa-apa jua kewajipan sebagai Ketua agama Islam atau berkenaan dengan adat istiadat orang Melayu;
- (e) melantik Waris atau Waris-Warisnya, Raja Perempuan, Pemangku Raja atau Majlis Pangkuan Raja;
- (f) pelantikan orang kepada pangkat, gelaran-gelaran, kehormatan-kehormatan dan kebesaran adat Melayu, dan menugaskan kewajipan-kewajipan yang bersangkutan-paut dengannya;
- (g) kawalan balai-balai penghadapan, istana raja dan semua jabatan Kerajaan Negeri.

(3) Undang-undang Negeri bolehlah membuat syarat menghendakkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melakukan selepas berunding dengan atau atas pengesyoran mana-mana orang atau badan-badan pertubuhan di dalam menjalankan apa-apa jua kewajipannya selain daripada –

- (a) kewajipan-kewajipan yang boleh dijalankan mengikut timbangannya;
- (b) kewajipan-kewajipan berkenaan dengan menjalankan yang mana syarat telah diperbuat di dalam Perlembagaan Negeri ataupun Perlembagaan Persekutuan.

Majlis Mesyuarat Kerajaan

16. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah melantik sebuah Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(2) Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah dilantik mengikut seperti yang tersebut di bawah ini, iaitu –

- (a) Ke bawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah mula-mula sekali melantik sebagai Menteri Besar untuk mengetuai Majlis Mesyuarat Kerajaan iaitu seorang daripada ahli Dewan Negeri yang mengikut tilikannya harus mempengaruhi kepercayaan sebilangan besar daripada ahli-ahli Dewan itu;
- (b) Baginda dengan nasihat Menteri Besar hendaklah melantik tidak lebih daripada sepuluh orang dan tidak kurang daripada empat orang ahli-ahli lain daripada ahli-ahli Dewan Negeri; dan
- (c) Baginda dengan nasihat Menteri Besar, hendaklah melantik seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan menjadi Timbalan Menteri Besar yang hendak menolong Menteri Besar pada menjalankan kuasa-kuasanya dan menunaikan kewajipan--kewajipannya dan, dengan perintah-perintah daripada Menteri Besar, hendaklah ia menjalankan kuasa-kuasa itu dan menunaikan kewajipan-kewajipan Menteri Besar itu,

tetapi kalau pelantikan itu diperbuat apakala Dewan Negeri itu dibubarkan, seseorang yang telah menjadi ahli Dewan Negeri yang lepas bolehlah dilantik tetapi hendaklah tidak terus memegang jawatan kemudian daripada persidangan yang pertama bagi Dewan Negeri yang akan datang melainkan ianya menjadi ahli daripadanya.

(3) Dengan tidak mengendahkan apa-apa di dalam Perkara ini, seseorang yang menjadi warganegara diberi jalan permohonan ataupun daftaran menurut *Perkara 17 dalam Perlembagaan Persekutuan hendaklah tidak dilantik menjadi Menteri Besar.

*

CATATAN-Perkara ini telah dipotong oleh Akta Perlembagaan (Pindaan) 1962 [Akta 1411962] mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1963.

(4) Tatkala melantik seorang Menteri Besar, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bolehlah, mengikut timbangannya meninggalkan mana-mana syarat di dalam Perkara 12 menghadkan pilihannya kepada seorang Menteri Besar, jika pada pendapatnya adalah mustahak berbuat sedemikian menurut kehendak syarat-syarat Perkara ini.

(5) Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah kesemuanya bertanggungjawab kepada Dewan Negeri.

(6) Jika Menteri Besar itu berhenti daripada mempengaruhi kepercayaan sebilangan besar daripada ahli Dewan Negeri, melainkan dengan permintaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia membubarkan Dewan Negeri itu maka hendaklah ia memohon berhenti daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(7) Dengan tertakluk kepada Fasal (6), seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan selain daripada Menteri Besar hendaklah memegang jawatan itu mengikut kesukaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, melainkan pelantikan mana-mana ahli itu telah dibatalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas nasihat Menteri Besar tetapi mana-mana ahli Majlis Mesyuarat itu bolehlah berhenti daripada jawatannya pada bila-bila masa jua.

(8) Seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah tidak boleh mengambil bahagian di dalam mana-mana perusahaan, perniagaan atau pekerjaan yang berhubung dengan apa-apa perkara atau pejabat yang di dalam tanggungannya dan, selagi ia mengambil bahagian dalam mana-mana perusahaan, perniagaan atau pekerjaan tidak boleh mengambil bahagian di dalam manamana keputusan yang harus mengenai kepentingan-kepentingan kewangan di dalam perusahaan, perniagaan atau pekerjaan itu.

Sumpah jawatan

17. Melainkan bagi maksud membolehkan Perkara ini di turut, maka tidaklah boleh seorang ahli itu duduk atau mengundi di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan sehingga ia telah mengangkat

sumpah dan menandatangani di hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau di hadapan seorang yang dikuasakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana itu akan akuan sumpah bagaimana yang tersebut:

"Adalah saya,, setelah dipilih dan dimasukkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan atau State Executive Council bagi Negeri Kelantan dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) bahawa saya pada tiap-tiap masa apabila dikehendaki akan memberi dengan seterusnya, nasihat-nasihat saya setakat mana di dalam daya upaya timbangan saya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan ialah bagi kesempurnaan urusan hal ehwal Negeri; bahawa tidaklah saya dengan terus atau tidak terusnya persampaikan atau membukakan kepada mana-mana orang akan apa-apa perkara yang dibawa ke bawah timbangan saya atau akan diketahui oleh saya sebagai seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan melainkan sebagaimana yang dikehendaki bagi menunaikan kewajipan-kewajipan saya dengan sempurnanya seumpama itu atau sebagaimana yang dibenarkan dengan khasnya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan.",

dan kepada akuan sumpah itu hendaklah ditambah apa jua perkataan yang akan mengikat hati orang yang mengangkat sumpah itu menurut kepercayaan agamanya.

18. *(Dipotong oleh G.N. No. 181/1959).*

19. *(Dipotong oleh G.N. No. 181/1959).*

20. *(Dipotong oleh G.N. No. 181/1959).*

Cukup bilangan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan

21. Maka tidaklah boleh dikatakan Majlis Mesyuarat Kerajaan itu tidak berkuasa menguruskan apa-apa pekerjaan kerana ada sebab ada kekosongan di antara ahli-ahlinya, tetapi tidaklah boleh diuruskan apa-apa pekerjaan melainkan tanggungjawabnya mesyuarat sahaja sekiranya dibantah oleh mana-mana ahli yang hadir bahawa ada kurang daripada empat kali hadir selain daripada ahli yang mengetuai.

22. (Dipotong oleh G.N. No. 181/1959).
23. (Dipotong oleh G.N. No. 181/1959).
24. (Dipotong oleh G.N. No. 181/1959).

Rayuan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat

25. (1) Dengan terkena kepada syarat-syarat Fasal (3) Perkara 15, jika di bawah mana-mana undang-undang yang bertulis manamana *appeal* ke atas keputusan mana-mana orang adalah terletak kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat, maka hendaklah menjadi sah bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat, melainkan tujuan yang berlawanan ada di dalam undang-undang yang bertulis itu, apabila *appeal* yang seumpama itu diperbuat kepadanya, melantik sebuah jawatankuasa yang mengandungi tidak kurang daripada tiga orang bagi maksud mendengar *appeal* itu dan menasihatkan Baginda tentang keputusan yang patut diperbuat ke atasnya:

Dengan syarat bahawa tidaklah boleh mana-mana orang yang daripadanya keputusan *appeal* itu diperbuat dilantik ahli jawatankuasa itu.

(2) Tatkala menimbang mana-mana nasihat yang diberi kepadanya di bawah syarat-syarat Fasal (1) daripada Perkara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat hendaklah tidak terikat pada menerima nasihat itu.

Minit-minit

26. (1) Hendaklah disimpan minit-minit bagi semua pekerjaan Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(2) Pada tiap-tiap kali persidangan lazim bagi Majlis Mesyuarat itu hendaklah disahkan minit persidangan yang telah lalu, dengan atau tidak dengan apa-apa pindaan sebagaimana halnya berkehendak sebelum daripada diuruskan pekerjaan-pekerjaan lain.

Bahasa rasmi dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan

27. Adapun bahasa rasmi bagi Majlis Mesyuarat Kerajaan itu hendaklah bahasa Melayu:

Dengan syarat bahawa-

- (a) dengan tidak mengendahkan syarat-syarat Perkara ini, bahasa Inggeris bolehlah digunakan bagi satu tempoh dan bagi satu maksud yang sementara ini boleh disyaratkan oleh atau mengikut Perkara 152 daripada Perlembagaan Persekutuan; dan
- (b) satu naskhah rasmi di dalam bahasa Inggeris hendaklah dicadangkan bagi tiap-tiap perkara yang dikehendaki dicetak atau ditulis, dan naskhah itu bolehlah diisytiharkan di dalam *Warta Kerajaan*.

KUASA MEMBERI AMPUN**Kuasa memberi ampun**

27A. (1) Maka berkuasalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengurniakan ampun, menangguh atau meringankan berkenaan dengan mana-mana kesalahan yang dilakukan dalam Negeri (selain daripada mana-mana kesalahan yang telah dibicarakan oleh mahkamah tentera); dan mana-mana kuasa yang dikurniakan oleh undang-undang Persekutuan atau Negeri pada mengurang, menangguh atau meringankan hukuman itu bagi mana-mana hukuman hendaklah boleh dijalankan olehnya.

(2) Kuasa-kuasa yang tersebut di dalam Fasal (1) hendaklah dijalankan dengan cara itu dan terkena kepada syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Perkara 42 daripada Perlembagaan Persekutuan.

**SYARAT ISTIMEWA BERSABIT
DENGAN ORANG MELAYU****Bahagian peruntukan berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan, permit-permit, dan lain-lainnya, bagi orang Melayu**

27B. (1) Maka hendaklah menjadi tanggungjawab Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan hak-hak yang halal bagi lain-lain kaum mengikut syarat-syarat Perkara ini.

(2) Maka hendaklah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan terkena kepada syarat Perkara 15 menjalankan tanggungantanggungannya di bawah Bahagian ini dan undang-undang Negeri dengan apa cara yang boleh jadi perlu menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan menjamin bahagian bagi orang Melayu akan kadar yang Baginda fikir berpatutan bersabit dengan kedudukan-kedudukan di dalam perkhidmatan awam bagi Negeri dan *scholarship*, elaunelaun kepada penuntut-penuntut dan lain-lain kebebasan pelajaran atau latihan yang seumpama itu atau kemudahan-kemudahan istimewa yang diberi atau dikurnia oleh Kerajaan dan, apabila mana-mana permit atau lesen bagi menjalankan perniagaan atau pekerjaan dikehendaki oleh undang-undang Negeri, maka dengan terkena kepada syarat-syarat undang-undang itu dan Perkara ini bersabit dengan permit-permit dan lesen-lesen.

(3) Maka berkuasalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya menjamin mengikut Fasal (2) Perkara ini bahagian kepada orang Melayu bersabit dengan kedudukan-kedudukan di dalam perkhidmatan awam dan *scholarship*, elaun-elaun kepada penuntut-penuntut dan lain-lain kebebasan pelajaran atau latihan atau kemudahankemudahan istimewa, memberi perintah-perintah am yang boleh dikehendaki bagi maksud itu kepada mana-mana Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang mana takluk kuasanya meluasi kepada orang di dalam perkhidmatan awam bagi Negeri itu atau kepada mana-mana pihak yang berkuasa yang ditugaskan tanggungjawab bagi memberi *scholarship*, elaun-elaun kepada penuntut atau lainlain kebebasan pelajaran atau latihan atau kemudahan-kemudahan istimewa; dan Suruhanjaya atau pihak yang berkuasa itu hendaklah menurut perintah-perintah itu dengan sempurnanya.

(4) Dalam menjalankan tanggungan-tanggungannya di bawah Bahagian ini dan undang-undang Negeri mengikut Fasal-Fasal (1), (2) dan (3) Perkara ini, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah tidak melucutkan mana-mana orang di dalam manamana jawatan awam yang dipegang olehnya atau menyambungkan mana-mana *scholarship*, elaun kepada penuntut-penuntut atau lainlain kebebasan pelajaran atau latihan atau kemudahan-kemudahan istimewa yang diperolehnya.

(5) Perkara ini tidaklah mengurangkan syarat-syarat Perkara 60.

(6) Jika dengan sebab undang-undang Negeri yang ada sesuatu permit atau lesen dikehendaki bagi menjalankan mana-mana perniagaan atau pekerjaan, maka berkuasalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia menjalankan tanggungan-tanggungan di bawah undang-undang itu dengan apa cara, atau memberi perintah-perintah am kepada mana-mana pihak yang berkuasa yang ditugaskan di bawah undang-undang itu memberi permit atau lesen-lesen yang boleh dikehendaki supaya menjamin bahagian kadar bagi lesen-lesen atau permit-permit bagi orang Melayu sebagaimana Kebawah Duli Yang Maha Mulia fikir berpatutan; dan pihak yang berkuasa itu hendaklah menurut perintah-perintah itu dengan sepenuhnya.

(7) Tidaklah apa-apa di dalam Perkara ini akan berjalan melucutkan atau memberi kuasa melucutkan mana-mana orang daripada mana-mana hak, kebebasan, permit atau lesen manamana orang yang didapat atau yang diperoleh atau yang dipegang olehnya atau memberi kuasa menolakan daripada membaharui semula kepada mana-mana orang akan mana-mana permit atau lesen atau penolakan daripada memberi kepada waris-waris, penggantipengganti atau ketentuan-ketentuan seseorang akan mana-mana permit atau lesen apabila membaharui semula atau pemberian itu boleh dijangka dengan berpatutan mengikut keadaan biasa.

(8) Dengan tidak mengendahkan sebarang apa di dalam Bahagian ini, jika dengan sebab mana-mana undang-undang Negeri manamana permit atau lesen dikehendaki bagi menjalankan mana-mana perniagaan atau pekerjaan, maka orang itu bolehlah mengadakan syarat kerana bahagian satu kadar bagi permit-permit atau lesenlesen bagi orang Melayu; tetapi tidaklah undang-undang yang seumpama itu bagi maksud menjamin bahagian itu akan-

- (a) melucutkan atau memberi kuasa melucutkan mana-mana orang daripada mana-mana hak, kebebasan, permit atau lesen yang didapat atau yang diperoleh atau yang dipegang olehnya; atau
- (b) memberi kuasa menolakan daripada membaharui semula kepada mana-mana orang akan mana-mana permit atau lesen itu atau penolakan daripada memberi kepada waris-waris, pengganti atau ketentuan-ketentuan manamana orang akan mana-mana permit atau lesen apabila membaharui semula atau pemberian itu boleh dijangka dengan berpatutan mengikut syarat-syarat yang lain daripada undang-undang itu mengikut keadaan biasa, atau menghalang mana-mana orang daripada menukarkan bersekali dengan perniagaannya akan mana-mana lesen yang boleh ditukar untuk menjalankan perniagaan itu; atau

- (c) jika dahulunya permit atau lesen tidak dikehendaki bagi menjalankan perniagaan atau pekerjaan, memberi kuasa menolakkan daripada memberi satu permit atau lesen kepada mana-mana orang bagi menjalankan mana-mana perniagaan atau pekerjaan yang mana dahulu sedikit daripada berjalan kuat kuasanya undang-undang itu, ia telah pun menjalankan dengan suci hati, atau memberi kuasa menolakkan pada akhirnya daripada membaharui semula kepada mana-mana orang akan mana-mana permit atau lesen, atau penolakan daripada memberi kepada waris-waris, pengganti-pengganti atau ketentuan-ketentuan mana-mana orang akan mana-mana permit atau lesen apabila menolakkan atau pemberian boleh dijangka dengan berpatutan mengikut syarat-syarat yang lain daripada undang-undang itu mengikut keadaan biasa.

(9) Tidaklah apa-apa di dalam Perkara ini akan menguasai Badan Undangan menyekatkan perniagaan atau pekerjaan sematamata bagi maksud bahagian-bahagian bagi orang Melayu.

DEWAN NEGERI
(LEGISLATIVE ASSEMBLY)

Badan Undangan bagi Negeri

28. Badan Undangan bagi Negeri ini akan mengandungi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan sebuah Dewan, yang akan dipanggil Dewan Negeri (di dalam bahasa Inggeris "Legislative Assembly").

Ahli-ahli Dewan Negeri

29. Dewan Negeri hendaklah mengandungi empat puluh lima orang ahli-ahli yang dipilih.

29A. *(Dipotong oleh G.N. No. 181/1959).*

29B. *(Dipotong oleh G.N. No. 181/1959).*

Kelayakan ahli-ahli

30. Tiap-tiap seorang warganegara berumur atau berumur lebih daripada lapan belas tahun yang tinggal di dalam Negeri ini adalah layak menjadi ahli Dewan Negeri, melainkan ianya tidak layak kerana menjadi seorang ahli mengikut Perlembagaan Persekutuan atau Bahagian ini atau pun mengikut mana-mana undang-undang yang disebut di dalam Perkara 31.

Tidak layak menjadi ahli Dewan Negeri

31. (1) Dengan tertakluk kepada syarat-syarat Perkara ini, seseorang itu tidak layak menjadi ahli Dewan Negeri jika –

- (a) ialah seorang yang telah didapati atau ditetapkan tidak sempurna akal;
- (b) ialah muflis yang belum selesai lagi;
- (c) ia memegang sesuatu jawatan yang bermanfaat;
- (d) setelah dilantik masuk sama ada kepada pilihan Parlimen ataupun kepada Dewan Negeri, atau setelah melakukan sebagai wakil pilihan kepada seorang yang telah dilantik itu, ia mungkir memasukkan mana-mana penyata berkenaan dengan perbelanjaan pilihan yang dikehendaki oleh undang-undang dalam masa dan cara yang dikehendaki itu;
- (e) ia telah didapati salah di atas satu kesalahan oleh sebuah mahkamah di Persekutuan dan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau didenda sebanyak tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan telah tidak menerima pengampunan;
- (f) ia tidak layak di bawah mana-mana undang-undang bersabit dengan kesalahan-kesalahan berhubung pilihan-pilihan sama ada kepada Parlimen ataupun kepada Dewan Negeri dengan sebab ianya telah didapati salah daripada satu kesalahan yang seumpama itu atau pun dalam perbicaraan bersabit sesuatu pilihan didapati salah daripada satu perbuatan yang bersabit dengan kesalahan yang seumpama itu; atau
- (g) ia dengan sengaja mendapat kewarganegaraannya negara asing, atau menjalankan hak-hak kewarganegaraannya di dalam negara asing atau telah membuat ketetapan taat setia kepada sebuah negara asing.

(2) Tidak berkelayakan mana-mana orang di bawah perenggan (d) atau perenggan (e) daripada Fasal (1) bolehlah dibuang oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kiranya tidak dibuang hendaklah terhenti pada akhir satu tempoh lima tahun mulai dari tarikh yang penyata yang tersebut di dalam perenggan (d) di atas telah dikehendaki dimasukkan atau, menurutlah mana-mana yang berlaku, tarikh yang orang itu telah didapati kesalahan sebagaimana yang disebut di dalam perenggan (e) yang tersebut itu telah dibebaskan daripada tahanan atau tarikh telah dikenakan denda yang tersebut di dalam perenggan (e) itu, dan mana-mana orang hendaklah layak di bawah perenggan (g) Fasal (1) dengan sebab cumanya kerana melakukan olehnya apa-apa perkara dahulu daripada ia menjadi seorang warganegara.

(3) Seseorang yang melepaskan keahliannya dalam Dewan Negeri hendaklah, selama tempoh lima tahun bermula dari tarikh pelepasan keahliannya berkuat kuasa, hilang kelayakannya daripada menjadi ahli Dewan Negeri.

Pertukaran parti politik anggota, dsb.

31A. (1) Tertakluk kepada peruntukan Perkara ini, seseorang ahli Dewan Undangan Negeri hendaklah terhenti menjadi ahli Dewan Undangan itu dan kerusinya hendaklah menjadi kosong sebaik sahaja suatu tarikh kekosongan luar jangka dipastikan oleh Speaker jika –

- (a) setelah dipilih ke Dewan Undangan sebagai anggota suatu parti politik –
 - (i) dia melepaskan keanggotaan parti politik itu; atau
 - (ii) dia tidak lagi menjadi anggota parti politik itu; atau
- (b) setelah dipilih ke Dewan Undangan bukan sebagai anggota suatu parti politik, dia menyertai suatu parti politik sebagai anggota.

(2) Seseorang ahli Dewan Undangan tidak terhenti menjadi ahli Dewan Undangan itu menurut perkara ini hanya disebabkan oleh –

- (a) pembubaran atau pembatalan pendaftaran politiknya;
- (b) pelepasan keanggotaannya daripada parti politiknya apabila dipilih sebagai Speaker; atau
- (c) pemecatannya daripada keanggotaan dalam parti politiknya.

(3) Bilamana Speaker menerima notis bertulis daripada mana-mana ahli Dewan Undangan mengenai berlakunya kekosongan luar jangka dalam kalangan ahli Dewan Undangan di bawah Perkara ini, Speaker hendaklah memastikan bahawa berlakunya kekosongan luar jangka itu dan memberitahu Suruhanjaya Pilihanraya sewajarnya dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh dia menerima notis bertulis itu.

(4) Bagi maksud mengadakan pilihan raya di bawah Fasal (5) Perkara 46, kekosongan luar jangka itu hendaklah diisi dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh Suruhanjaya Pilihan Raya menerima pemberitahuan itu daripada Speaker.”.

Keputusan bersabit dengan tidak layak

32. Jika mana-mana masalah berbangkit sama ada seseorang ahli Dewan Negeri menjadi tidak layak daripada menjadi ahlinya maka keputusan Dewan itu hendaklah diambil dan hendaklah jadi yang muktamad.

Syarat-syarat yang menyekat seorang itu menjadi ahli berganda

33. Seseorang itu hendaklah tidak boleh menjadi dengan serentaknyanya ahli Dewan Negeri lebih daripada satu kawasan pilihan.

Akibat tidak layak dan tegahan lantikan dengan tiada persetujuan

34. (1) Jika seseorang ahli Dewan Negeri itu mati atau menjadi tidak layak menjadi ahli Dewan itu, maka tempatnya hendaklah menjadi kosong.

(2) Jika seseorang yang tidak layak bagi menjadi ahli Dewan Negeri itu dipilih kepada ahli Dewan itu, atau jika satu pilihan itu berlawanan dengan Perkara 31, maka pilihan itu hendaklah menjadi tidak sah.

(3) Jika pilihan seseorang itu akan atau harus menjadi tidak sah di bawah Fasal (2), maka pelantikannya bagi pilihan itu hendaklah menjadi tidak sah.

(4) Seseorang itu tidaklah boleh dengan sahnya dilantik bagi pilihan bagi Dewan Negeri dengan tiada persetujuan.

35. *(Dipotong oleh G.N. No. 181/1959).*

35A. *(Dipotong oleh G.N. No. 181/1959).*

Cukup bilangan

36. Tidaklah boleh dijalankan oleh Dewan Negeri itu apa-apa pekerjaan melainkan pekerjaan menanggungkan, jika dibantah oleh mana-mana ahli yang hadir bahawa kurang daripada sepuluh orang ahli-ahli ada hadir selain daripada Speaker atau ahli yang mengetuai.

Berhentian ahli

37. Seorang ahli Dewan Negeri bolehlah berhenti daripada menjadi ahli dengan tulisannya sendiri dialamatkan kepada Speaker.

Ketiadaan hadir mana-mana ahli

38. Jika seseorang ahli Dewan Negeri tidak hadir dengan tiada mendapat kebenaran Speaker pada tiap-tiap kali persidangan Dewan itu diadakan bagi tempoh enam bulan maka Speaker bolehlah menetapkan tempatnya itu kosong.

Menjalankan kuasa membuat undang-undang

39. (1) Maka kuasa bagi Badan Undangan membuat undang-undang hendaklah dijalankan dengan jalan Rang Undang-Undang yang diluluskan oleh Dewan Negeri dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

(2) Tidaklah boleh mana-mana Rang Undang-Undang atau pindaan mengenai perbelanjaan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Negeri ini dibawa atau dicadangkan di dalam Dewan Negeri melainkan oleh seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(3) Satu Rang Undang-Undang hendaklah menjadi undang-undang sesudah dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, tetapi tidaklah boleh mana-mana undang-undang berjalan kuat kuasanya sehingga telah disiarkan, bagaimanapun dengan tiada mencatatkan Badan Undangan menangguhkan kuat kuasanya mana-mana undang-undang atau membuat undang-undang dengan berjalan kuat kuasa kebelakangan.

Mengisytiharkan Rang Undang-Undang

40. Tiap-tiap Rang Undang-Undang, selain daripada Rang Undang-Undang daripada ahli hendaklah, melainkan di dalam perkara sangat mustahak hendak disegerakan yang akan disah dengan tulisan oleh Speaker, diisytiharkan bagi pengetahuan orang ramai di dalam *Warta* Kerajaan sekurang-kurangnya empat belas hari dahulu daripada dibawa kepada Dewan Negeri.

Perkataan mengundangkan undang-undang

41. Semua undang-undang yang diluluskan oleh Badan Undangan hendaklah digelar "Enakmen" dan perkataan mengundangkan itu hendaklah berbunyi "diperbuat undang-undang ini oleh Badan Undangan bagi Negeri Kelantan".

Ucapan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia

42. Kebawah Duli Yang Maha Mulia bolehlah bertitah kepada Dewan Negeri dan bolehlah menghantar keputusan-keputusan kepadanya.

Rang Undang-Undang daripada ahli

43. Dikecualikan disyaratkan lain di dalamnya, maka satu undang-undang yang diperbuat di bawah Bahagian ini, yang bukan kehendak kerajaan yang dihajat menyentuh atau mendatang faedah kepada mana-mana orang yang tertentu atau kepada mana-mana persekutuan atau pertubuhan yang dilembagakan, tidak akan menyentuh hak-hak Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan GantiGantinya atau hak-hak mana-mana pertubuhan siasah atau yang dilembagakan atau hak-hak mana-mana orang pun.

Peraturan Dewan Negeri

44. (1) Tertakluk kepada syarat-syarat Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan ini, maka hendaklah Dewan Negeri mengaturkan peraturannya sendiri dan berkuasalah dari satu masa ke satu masa membuat, meminda dan membatalkan Peraturan-Peraturan Tetap dan Perintah-Perintah bagi mengaturkan tertib penjalanan pekerjaannya sendiri dan bagi penjalanan pekerjaan.

(2) Dewan Negeri berkuasalah melakukan dengan tidak mengendahkan mana-mana kerusi kosong di dalam ahlinya, dan kehadiran atau pengambilan bahagian mana-mana orang yang tidak berhak kepadanya tidaklah membatalkan mana-mana penjalanan.

(3) Tertakluk kepada Fasal (4) dan Perkara 3, Dewan itu hendaklah jika dengan sebulat suara mengambil keputusannya dengan undi suara ramai yang mengundi dan ahli yang mengetuai hendaklah membuang undinya apabila mustahak supaya mengelakkan persamaan undi-undi, tetapi hendaklah tidak mengundi di dalam mana-mana perkara yang lain.

(4) Tatkala mengaturkan peraturannya, Dewan itu boleh mensyaratkan berkenaan dengan mana-mana keputusan bersabit dengan penjalanannya bahawa hendaklah tidak diperbuat melainkan dengan undi-undi suara ramai yang tertentu atau pun dengan bilangan undi-undi yang tertentu.

(5) Ahli-ahli yang tidak hadir ke Dewan itu hendaklah tidak dibenarkan mengundi.

Speaker Dewan Negeri

45. (1) Dewan Negeri hendaklah dari semasa ke semasa memilih mana-mana orang yang ditentukan oleh Dewan sebagai Speaker, dan tidaklah boleh menjalankan apa-apa urusan semasa jawatan Speaker kosong selain daripada pemilihan Speaker.

(1A) Seseorang tidak boleh dipilih sebagai Speaker melainkan jika dia menjadi ahli atau layak menjadi ahli Dewan Negeri.

(1B) Mana-mana orang yang bukannya ahli Dewan Negeri yang dipilih sebagai Speaker –

- (a) hendaklah, sebelum menjalankan tugas-tugas jawatannya, mengangkat dan menandatangani di hadapan Dewan sumpah jawatan; dan
- (b) hendaklah, oleh sebab dia memegang jawatannya itu, menjadi ahli Dewan sebagai tambahan kepada ahli-ahli yang dipilih ke Dewan:

Dengan syarat bahawa perenggan (b) tidaklah mempunyai kuat kuasa bagi maksud peruntukan Perkara 16 dan tiada seorang pun berhak, menurut kuasa perenggan itu, mengundi atas apa-apa perkara di hadapan Dewan.

(2) Speaker boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dan hendaklah mengosongkan jawatannya –

- (a) apabila Dewan Negeri bermesyuarat bagi pertama kalinya selepas suatu pilihan raya umum;
- (b) apabila dia berhenti menjadi ahli Dewan melainkan oleh sebab pembubarannya atau, jika dia menjadi ahli semata-mata menurut kuasa perenggan (b) Fasal (1B), apabila dia berhenti berkeelayakan menjadi ahli;
- (c) apabila telah menjadi hilang kelayakan di bawah Fasal (5); atau
- (c) jika pada bila-bila masa, Dewan membuat ketetapan sedemikian.

(2A) Dewan Negeri boleh dari semasa ke semasa memilih seorang daripada ahlinya untuk menjadi Timbalan Speaker.

(2B) Seseorang Timbalan Speaker boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dan hendaklah mengosongkan jawatannya –

(a) apabila dia terhenti menjadi ahli Dewan Negeri; atau

(b) jika pada bila-bila masa Dewan menetapkan sedemikian.

(3) Dalam masa peninggalan Speaker itu daripada satu persidangan Dewan Negeri, Timbalan Speaker atau jika Timbalan Speaker tidak hadir atau jika jawatan Timbalan Speaker kosong, maka ahli lain yang boleh diputuskan oleh aturan-aturan Peraturan Dewan itu, hendaklah melaku sebagai Speaker.

(4) Badan Undangan itu hendaklah mengadakan syarat dengan undang-undang kerana upahan Speaker dan Timbalan Speaker dan upahan yang disyaratkan itu hendaklah dikenakan di atas Kumpulan Wang Yang Disatukan.

(5) Seseorang ahli yang dipilih menjadi Speaker atau Timbalan Speaker adalah hilang kelayakan dari memegang jawatan itu jika tiga bulan selepas dipilih memegang jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu ia adalah atau menjadi ahli mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau seorang pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal ehwal atau urusan, sesuatu pertubuhan atau badan, sama ada diperbadankan atau sebaliknya, atau sesuatu pengusahaan perdagangan, perindustrian atau lain-lain pengusahaan, sama ada ia menerima atau mendapat atau tidak apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya:

Dengan syarat bahawa hilang kelayakan itu tidak boleh dipakai jika pertubuhan atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain berupa khairat atau sosial, dan ahli itu tidak menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah.

(6) Jika timbul sesuatu soal mengenai hilang kelayakan Speaker atau Timbalan Speaker di bawah Fasal (5) Dewan Negeri hendaklah mengambil keputusan mengenainya dan keputusan itu adalah muktamad.

Memanggil, memberhenti dan membubarkan Dewan Negeri

46. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah dari satu masa ke satu masa memanggil Dewan Negeri dan hendaklah tidak dibiarkan selama enam bulan berlalu di antara persidangan yang akhir di dalam satu tempoh mesyuarat dengan tarikh yang ditetapkan bagi persidangannya yang pertama di dalam tempoh mesyuarat yang akan datang.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh memberhenti atau membubarkan Dewan Negeri.

(3) Dewan Negeri, dikecuali dibubarkan terlebih dahulu, hendaklah berjalan kuasa selama lima tahun daripada tarikh persidangannya yang pertama dan hendaklah kemudian daripada itu terubur sendiri.

(4) Apabila Dewan Negeri itu telah dibubarkan, maka hendaklah diadakan satu pilihan raya dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pembubaran itu dan Dewan Negeri yang baru itu hendaklah dipanggil bersidang pada suatu tarikh tidak lewat dari sembilan puluh hari daripada tarikh itu.

(5) Sesuatu kekosongan luar jangka hendaklah diisi dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh dipastikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya bahawa ada kekosongan:

Dengan syarat bahawa jika kekosongan luar jangka itu dipastikan pada suatu tarikh dalam masa dua tahun dari tarikh Dewan Negeri akan terubur, mengikut Fasal (3), maka kekosongan luar jangka itu tidak boleh diisi melainkan jika Speaker memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya secara bertulis bahawa kekuatan dari segi bilangan parti yang membentuk majoriti semua ahli Dewan Negeri terjejas oleh kekosongan itu, dan dalam keadaan sedemikian kekosongan itu hendaklah diisi dalam masa enam puluh hari dari tarikh pemberitahuan itu diterima.

Sumpah ahli

47. (1) Tiap-tiap ahli Dewan Negeri hendaklah sebelum menduduki kerusinya mengangkat dan menandatangani di hadapan ahli yang mengetuai di dalam Dewan itu akan sumpah yang berikut:

"Adalah saya, , yang telah dipilih sebagai seorang ahli Dewan Negeri bagi Negeri Kelantan dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) bahawa saya dengan setianya akan menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagai ahli itu dengan sedaya upaya saya; bahawa saya akan bersetiawan dan akan bertaat setia dengan sebenarnya kepada Negeri Kelantan, dan bahawa saya akan memelihara, menjaga dan mempertahankan Perlembagaan Negeri Kelantan.",

dan, sekiranya ia seorang rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sehingga ia telah juga mengangkat dan menandatangani dengan sebegitu juga akan sumpah taat setia sebagaimana berikut:

"Adalah saya, , bersumpah bahawa saya akan bersetiawan dan akan bertaat setia dengan sebenarnya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dan kepada Waris-Waris Gantinya, menurut undang-undang.",

(2) Kepada tiap-tiap sumpah hendaklah ditambah apa-apa perkataan yang akan mengikat hati orang yang mengangkat sumpah itu menurut kepercayaan agamanya.

(3) Seorang ahli bolehlah, sebelum mengangkat sumpah mengambil bahagian di dalam pemilihan Speaker itu.

(4) Sekiranya seorang ahli tidak mengambil tempatnya dalam tempoh tiga bulan kemudian dari tarikh Dewan Negeri itu mula-mula bersidang selepas daripada pilihannya ataupun masa yang lebih lanjut lagi sebagaimana yang dibenarkan oleh Dewan itu, maka tempatnya hendaklah menjadi kosong.

Upahan bagi ahli

48. Badan Undangan hendaklah dengan undang-undang membuat syarat-syarat bagi upahan ahli-ahli Dewan Negeri.

Minit-minit

49. (1) Hendaklah disimpan minit-minit bagi semua pekerjaan-pekerjaan Dewan Negeri.

(2) Pada tiap-tiap persidangan Dewan itu maka hendaklah disahkan minit-minit persidangan yang telah lalu dengan atau dengan tiada pindaan, ikutlah bagaimana kehendaknya, sebelum daripada menjalankan kerja-kerja lain.

Bahasa Dewan Negeri

50. (1) Dengan tertakluk kepada syarat-syarat Perkara 152 daripada Perlembagaan Persekutuan, bahasa rasmi Dewan itu hendaklah bahasa Melayu.

(2) Dengan tidak mengendahkan syarat-syarat Fasal (1), bagi satu tempoh selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka dan kemudian daripada itu sehingga Parlimen mensyaratkan yang lain, nas-nas yang sah –

- (a) bersabit dengan semua Rang Undang-Undang yang akan dibawa atau dibuat pindaan-pindaan kepadanya yang hendak dicadang di dalam Dewan Negeri; dan
- (b) bersabit dengan semua undang-undang dan semua undang-undang tambahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi Negeri ini,

hendaklah di dalam bahasa Inggeris.

(3) Satu naskhah rasmi hendaklah dicadangkan bagi tiap-tiap perkara yang hendak dicetak atau ditulis, dan naskhah itu bolehlah diisytiharkan di dalam *Warta Kerajaan*.

Kebebasan

51. Dewan Negeri hendaklah mempunyai kebebasan-kebebasan dan kuasa-kuasa yang diterangkan di dalam Jadual Yang Pertama.

Tiada pencukaian melainkan jika dibenarkan oleh undang-undang

52. Tiada cukai atau kadar boleh dilevikan oleh atau bagi maksud Negeri kecuali melalui atau di bawah kuasa undang-undang.

Perbelanjaan yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Yang Disatukan

53. (1) Maka hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Negeri, sebagai tambahan kepada apa-apa pemberian, saraan atau wang lain yang dipertanggungkan edemikian melalui mana-mana peruntukan lain Perlembagaan Negeri atau melalui undang-undang Negeri –

- (a) Peruntukan Diraja bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan saraan bagi Speaker Dewan Negeri;
- (b) segala caj hutang yang Negeri bertanggung membayaranya; dan
- (c) apa-apa wang yang dikehendaki untuk menunaikan apaapa penghakiman, keputusan atau award terhadap Negeri oleh mana-mana mahkamah atau tribunal.

(2) Bagi maksud peruntukan ini caj hutang termasuklah bunga, caj kumpulan wang penjelas hutang, pembayaran balik atau pelunasan hutang dan segala perbelanjaan berkaitan dengan pemerdapatan pinjaman atas jaminan Kumpulan Wang Yang Disatukan dan pembayaran bunga atas hutang dan penebusan hutang yang diwujudkan dengan jalan sedemikian.

Penyata kewangan tahunan

54. (1) Dengan tertakluk kepada Fasal (3), Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah, berkenaan dengan tiap-tiap tahun kewangan, menyebabkan dibentangkan di hadapan Dewan Negeri suatu penyata terimaan dan perbelanjaan yang dianggarkan bagi Negeri untuk tahun itu, dan, melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh Badan Undangan Negeri berkenaan dengan mana-mana tahun, penyata itu hendaklah dibentangkan sedemikian sebelum permulaan tahun itu.

(2) Anggaran perbelanjaan itu hendaklah menunjukkan secara berasingan –

- (a) jumlah wang yang dikehendaki untuk membayar perbelanjaan yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Yang Disatukan; dan
- (b) dengan tertakluk kepada Fasal (3), jumlah wang yang masing-masing dikehendaki untuk membayar kepala-kepala bagi perbelanjaan lain yang dicadangkan dibayar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan.

(3) Terimaan yang dianggarkan yang hendaklah ditunjukkan dalam penyata tersebut tidak termasuk apa-apa jumlah wang yang diterima melalui Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; dan jumlah wang yang hendaklah ditunjukkan di bawah perenggan (b) Fasal (2) tidak termasuk –

- (a) jumlah wang yang merupakan hasil daripada apa-apa pinjaman yang diperdapatkan oleh Negeri bagi maksud tertentu dan yang diuntukkan bagi maksud itu oleh undang-undang yang membenarkan pinjaman itu diperdapatkan;
- (b) jumlah wang yang merupakan apa-apa wang atau bunga atas wang yang diterima oleh Negeri yang tertakluk kepada suatu amanah dan yang hendaklah digunakan mengikut terma-terma amanah itu;
- (c) jumlah wang yang merupakan apa-apa wang yang dipegang oleh Negeri yang telah diterima atau diuntukkan bagi maksud apa-apa kumpulan wang amanah yang ditubuhkan oleh atau mengikut undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri.

(4) Penyata tersebut hendaklah juga menunjukkan, setakat yang dapat dilaksanakan, aset dan liabiliti Negeri pada akhir tahun kewangan yang baru genap, cara aset itu dilaburkan atau dipegang, dan kepala-kepala am yang berkenaan dengannya liabiliti itu masih belum selesai.

Rang Undang-Undang Perbekalan

55. Kepala-kepala bagi perbelanjaan yang hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Negeri tetapi tidak dipertanggungkan padanya, selain jumlah wang yang disebut

dalam perenggan (a) dan (b) Fasal (3) Perkara 54, hendaklah dimasukkan ke dalam suatu Rang Undang-Undang, yang hendaklah dikenali sebagai Rang Undang-Undang Perbekalan, yang membuat peruntukan bagi pengeluaran jumlah wang yang perlu daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk membayar perbelanjaan itu dan penguntukan jumlah wang itu bagi maksud yang dinyatakan dalamnya.

Perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih

56. Jika berkenaan dengan mana-mana tahun kewangan didapati –

- (a) bahawa amaun yang diuntukkan melalui Enakmen Perbekalan bagi maksud itu tidak mencukupi, atau bahawa telah timbul keperluan perbelanjaan bagi suatu maksud yang baginya tiada amaun diuntukkan melalui Enakmen Perbekalan; atau
- (b) bahawa apa-apa wang telah dibelanjakan bagi apa-apa maksud melebihi amaun yang diuntukkan (jika ada) bagi maksud itu melalui Enakmen Perbekalan,

maka suatu anggaran tambahan yang menunjukkan jumlah wang yang dikehendaki atau dibelanjakan itu hendaklah dibentangkan di hadapan Dewan Negeri dan kepala-kepala bagi apa-apa perbelanjaan itu hendaklah dimasukkan ke dalam suatu Rang Undang-Undang Perbekalan.

Pengambilan keluar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan

57. (1) Tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam Perkara ini, tiada wang boleh diambil keluar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan melainkan jika wang itu –

- (a) dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Yang Disatukan; atau
- (b) dibenarkan dikeluarkan melalui Enakmen Perbekalan.

(2) Tiada wang boleh diambil keluar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan kecuali mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan.

(3) Fasal (1) tidak terpakai kepada mana-mana wang sebagaimana yang disebut di dalam perenggan-perenggan (a) dan (b) Fasal (3) daripada Perkara 54.

(4) Badan Perundangan Negeri boleh, sebelum lulus Enakmen Perbekalan, dikenakan dengan mana-mana tahun kewangan, membenarkan perbelanjaan bagi sebahagian daripada tahun kewangan itu dan juga pengeluaran daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan apa-apa wang yang dikehendaki untuk membayar perbelanjaan itu.

58. *(Dipotong oleh G.N. No. 241/1957).*

Kuasa Negeri berkenaan dengan harta benda, ikatan kira dan mal

59. (1) Negeri mempunyai kuasa memilik, memegang dan menjual harta benda dari apa-apa jenis dan membuat ikatan kira.

(2) Negeri boleh mendakwa dan kena dakwa.

Layanan saksama kepada pekerja-pekerja Negeri

60. Semua orang dari apa bangsa pun, di dalam darjah yang sama di dalam perkhidmatan Negeri, hendaklah dengan tertakluk kepada syarat-syarat perjanjian pekerjaannya hendaklah dilayan dengan saksama.

Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri

61. (1) Hendaklah ada sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri, yang kuasanya hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut, meliputi sekalian orang yang menjadi ahli perkhidmatan awam bagi Negeri ini.

(2) Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri hendaklah mengandungi ahli-ahli yang berikut dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengikut timbangannya tetapi setelah menimbang nasihat Menteri Besar, iaitu seorang Pengerusi, dan tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada enam orang ahli-ahli lain.

(2A) Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengikut timbangannya, setelah menimbang nasihat Menteri Besar, bolehlah melantik seorang Timbalan Pengerusi tambahan kepada ahli-ahli yang telah pun dilantik di bawah Fasal (2) Perkara 61.

(3) Sama ada Pengerusi ataupun Timbalan Pengerusi hendaklah dan boleh kedua-duanya dilantik di antara mereka-mereka yang telah menjadi ahli mana-mana perkhidmatan awam pada bila-bila masa di dalam tempoh lima tahun dahulu sedikit daripada tarikh pelantikannya yang pertama.

(4) Seorang ahli dari perkhidmatan awam bagi Negeri yang dilantik menjadi Pengerusi atau Timbalan Pengerusi hendaklah tidak boleh terhak bagi mana-mana pelantikan lagi di dalam perkhidmatan Negeri selain daripada sebagai seorang ahli Suruhanjaya itu.

(5) (i) Seorang ahli sama ada dari Dewan Parlimen atau Dewan Negeri bagi Negeri ini hendaklah tidak dilantik menjadi ahli Suruhanjaya itu.

(ii) Tertakluk kepada perenggan (iii), seseorang hendaklah tidak dilantik menjadi ahli Suruhanjaya itu sekiranya ia menjadi dan hendaklah tidak menjadi ahli itu jika sekiranya ia menjadi –

- (a) seorang ahli mana-mana perkhidmatan awam bagi Persekutuan atau pun bagi mana-mana Negeri;
- (b) seorang pegawai atau pekerja mana-mana pihak yang berkuasa tempatan atau sebuah badan yang ditubuhkan atau pihak berkuasa yang ditubuhkan mengikut undang-undang bagi maksud-maksud awam;
- (c) seorang ahli kesatuan buruh atau badan atau persatuan yang bergabung dengan kesatuan buruh.

(iii) Seseorang ahli bagi mana-mana perkhidmatan awam bolehlah dilantik dan boleh ditinggal menjadi Pengerusi atau Timbalan Pengerusi dan, jika ada dalam cuti sebelum bersara, maka bolehlah ia dilantik menjadi seorang ahli lain bagi Suruhanjaya itu.

(iv) Jika dalam mana-mana tempoh seseorang ahli Suruhanjaya itu telah dikurniakan cuti oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia ataupun tidak berupaya kerana peninggalannya daripada Persekutuan, kesakitan atau mana-mana sebab yang lain kerana menunaikan kewajipannya sebagai ahli, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia bolehlah melantik supaya menjalankan kewajipan-kewajipannya

dalam tempoh itu mana-mana orang yang layak dilantik pada tempatnya dan pelantikan orang itu hendaklah diperbuat dengan cara yang serupa dengan ahli yang kewajipan-kewajipannya ia kena jalankan.

(v) Suruhanjaya itu bolehlah melakukan, dengan tidak mengendahkan kekosongan ahlinya dan tidaklah perjalanan Suruhanjaya itu menjadi tidak sah dengan sebab hanya ada seorang yang tidak berhak telah mengambil bahagian di dalamnya.

(vi) Sebelum menjalankan kewajipannya sebagai seorang ahli Suruhanjaya itu atau di bawah perenggan (iv), maka mana-mana orang hendaklah mengangkat dan menandatangani di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi akan sumpah jawatan dan sumpah taat setia seperti berikut:

"Adalah saya, , setelah dilantik kepada jawatan ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri bagi Negeri Kelantan dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) bahawa saya dengan setianya akan menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan sedaya upaya saya, dan bahawa saya akan taat dan bersetiawan dengan sebenarnya kepada Negeri Kelantan, dan akan memelihara, menjaga dan mempertahankan Perlembagaannya."

(6) Seorang ahli Suruhanjaya –

- (a) hendaklah dilantik bagi tempoh selama lima tahun atau jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia melakukan mengikut timbangannya tetapi setelah menimbang nasihat daripada Menteri Besar yang ditentukan di dalam perkara-perkara yang tertentu bagi tempoh yang lebih pendek sebagaimana ia boleh menentukan;
- (b) bolehlah, melainkan tidak layak, dilantik dari satu masa ke satu masa; dan
- (c) bolehlah pada bila-bila masa berhenti daripada jawatannya tetapi hendaklah tidak dibuang daripada jawatan itu dikecualikan dengan alasan-alasan yang seakan-akan itu dan dengan cara seakan-akan dengan seorang Hakim Mahkamah Persekutuan di bawah Fasal (3), (4) dan (5) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan:

Dengan syarat bahawa Fasal tersebut hendaklah ditafsirkan seolah-olah sebutan mengenai Yang di-Pertuan

Agong dan Perdana Menteri dalam Fasal itu digantikan dengan sebutan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri Besar.

(7) Maka hendaklah Dewan Negeri dengan undang-undang mengadakan syarat kerana upahan bagi mana-mana ahli Suruhanjaya itu selain daripada ahli yang upahannya sebagai pemegang jawatan lain ada diperbuat cadangan oleh undang-undang Negeri; dan upahan yang dicadangkan itu hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan.

(8) Upahan dan lain-lain tempoh jawatan bagi seseorang ahli Suruhanjaya itu hendaklah tidak diubah sehingga merugikan dia kemudian daripada pelantikannya.

(9) Tertakluk kepada syarat mana-mana undang-undang yang ada dan syarat-syarat Bahagian ini, maka hendaklah menjadi kewajipan Suruhanjaya itu pada melantik, mengesah dan meletakkan ke atas ketetapan yang kekal ataupun yang berpencen, menaikkan pangkat, menukarkan dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas ahli-ahli perkhidmatan-perkhidmatan yang meliputi kuasanya.

(9A) (i) Walau apa pun yang diperuntukkan dalam Fasal (9), semua kuasa-kuasa dan tugas-tugas Suruhanjaya, selain daripada kuasa bagi membuat lantikan yang pertama kepada jawatan tetap atau berpencen, bolehlah dijalankan oleh sebuah Jumaah yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

(ii) Sesiapa yang tidak puas hati dengan cara Jumaah menjalankan sebarang kuasa-kuasa atau tugas-tugas Suruhanjaya yang disebutkan tadi bolehlah merayu kepada Jumaah Ulangbicara yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

(iii) Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh membuat peraturan-peraturan berkaitan dengan pelantikan ahli-ahli dan cara-cara yang hendaklah diikuti oleh Jumaah atau Jumaah Ulangbicara di bawah Fasal ini.

(iv) Apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah melantik Jumaah itu di bawah perenggan (i) dari Fasal ini untuk maksud menjalankan sebarang kuasa-kuasa atau tugas-tugas yang disebutkan di dalam perenggan itu, maka kuasa atau tugas yang tersebut itu selagi kekal menjadi kuasa atau tugas bagi dijalankan oleh Jumaah itu hendaklah diberhentikan daripada dijalankan oleh Suruhanjaya tersebut.

(10) Undang-undang Negeri boleh mengadakan syarat-syarat kerana menjalankan kewajipan-kewajipan yang lain oleh Suruhanjaya itu.

(11) Suruhanjaya itu bolehlah menurunkan kuasa kepada mana-mana pegawai di dalam perkhidmatan awam bagi Negeri atau kepada mana-mana Lembaga yang pegawai-pegawai itu dilantik olehnya akan mana-mana kewajipan di bawah Fasal (9) berkenaan dengan mana-mana darjah perkhidmatan, dan pegawai atau Lembaga itu hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan itu di bawah perintah dan kawalan Suruhanjaya itu.

(12) Suruhanjaya itu bolehlah, tertakluk kepada syarat-syarat Perlembagaan ini dan undang-undang Negeri, membuat peraturan-peraturan mengaturkan peraturannya dan menetapkan bilangan ahlinya yang kena mengenakan cukup bilangan.

(13) Suruhanjaya itu hendaklah membuat penyata tahunannya berkenaan dengan pergerakan-pergerakannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan salinan-salinan penyata ini hendaklah dibentangkan di dalam Dewan Negeri.

(14) Dalam Perkara ini –

- (a) "pertukaran" tidak termasuk pertukaran dalam sesebuah pejabat kerajaan dengan tidak berubah pangkat;
- (b) "Suruhanjaya" maknanya Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri yang ditubuhkan di bawah Fasal (1);
- (c) "perkhidmatan awam bagi Negeri" hendaklah mempunyai makna yang serupa dengan yang di dalam Bahagian X daripada Perlembagaan Persekutuan; dan
- (d) "Pengerusi" ertinya Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri, dan hendaklah termasuk seorang Timbalan Pengerusi yang dilantik di bawah Fasal (2A).

Kelebihan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tersimpan

62. Melainkan telah disebut di dalam ini, maka Bahagian ini tidaklah akan menyentuh kelebihan, kuasa dan takluk Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

PENGERTIAN

Pengertian bagi Undang-Undang Perlembagaan

63. (1) Dengan tiada mencatitkan mana-mana takluk kuasa *appeal* atau mengubah bagi Mahkamah Persekutuan, jika dalam mana-mana perbicaraan di hadapan satu mahkamah yang lain maka satu soalan ada berbangkit tentang kuasa mana-mana syarat daripada Undang-Undang Perlembagaan Negeri, maka Mahkamah Persekutuan berkuasalah, apabila diminta oleh salah satu pihak bagi perbicaraan itu, menetapkan soalan itu dan sama ada menyelesaikan perkara itu atau hantarkannya kepada mahkamah lain supaya diselesaikan mengikut ketetapan itu.

(2) Maka berkuasalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia merujukkan kepada Mahkamah Persekutuan bagi fikirannya manamana soalan tentang kuasa mana-mana syarat daripada Undang-Undang Perlembagaan Negeri yang telah berbangkit atau nampak kepadanya harus akan berbangkit, dan Mahkamah Persekutuan hendaklah mengisytiharkan fikirannya di dalam mahkamah terbuka di atas mana-mana soalan yang dirujukkan kepadanya.

PERUNTUKAN PERALIHAN

Syarat-syarat peralihan tentang kandungan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan

64. (1) Selepas dibubarkan Majlis Mesyuarat Negeri yang akhir, maka Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah mengandungi Menteri Besar dan sekalian mereka yang telah menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dahulu sedikit daripada pembubarannya itu tetapi tidaklah boleh mereka itu terus memegang jawatannya selepas persidangan-persidangan yang pertama bagi Dewan Negeri yang pertama melainkan ianya seorang ahli Dewan Negeri itu.

(2) Selepas dibubarkan Dewan Negeri yang pertama atau yang kemudian maka Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah mengandungi Menteri Besar dan sekalian mereka yang telah menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dahulu sedikit daripada pembubaran Dewan

Negeri itu tetapi tidaklah boleh mereka itu terus memegang jawatannya selepas persidangan yang pertama bagi Dewan Negeri yang baru itu melainkan ianya seorang ahli Dewan Negeri itu.

Mencetak semula Undang-Undang Perlembagaan

65. (1) Maka berkuasalah Pencetak Kerajaan dengan persetujuan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia, mencetak salinansalinan daripada Undang-Undang Perlembagaan dengan segala tambahan, pembatalan dan pindaan akibat daripada undang-undang pindaan Akta Parlimen atau Undang-Undang Negeri, dan salinansalinannya yang seumpama itu hendaklah disifatkan menjadi salinan-salinan yang sah bagi undang-undang Perlembagaan yang dipinda sedemikian,

(2) Mana-mana perujukan di dalam mana-mana undang-undang, Akta Parlimen atau Undang-Undang Negeri kepada bilangan satusatu barisan daripada suatu Perkara, Fasal ataupun perenggan daripada Undang-Undang Perlembagaan itu hendaklah bererti barisan di dalam salinan rasmi yang dicetak akhir sekali bagi Undang-Undang Perlembagaan ini pada masa diluluskan oleh Akta Parlimen atau Undang-Undang Negeri yang terkandung di dalam perujukan itu.

JADUAL YANG PERTAMA

KEPADA BAHAGIAN YANG PERTAMA UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN

[Perkara 51]

KEBEBASAN-KEBEBASAN DAN KUASA-KUASA

Pengertian

1. Di dalam Jadual ini melainkan nasnya berkehendak kepada makna yang lain —

"ahli" maknanya seseorang ahli Dewan itu;

"Dewan" maknanya Dewan Negeri;

"pegawai Dewan itu" dan "pegawai" maknanya Kerani Mesyuarat dan manamana orang yang ditetapkan oleh Speaker menjadi seorang pegawai Dewan itu;

"Peringatan-peringatan" maknanya peringatan-peringatan mesyuarat bagi Dewan itu atau rekod-rekod rasmi berkaitan dengan perjalanan-perjalanannya;

"Perintah-Perintah Tetap" maknanya Peraturan-Peraturan Tetap dan Perintah-Perintah Dewan itu yang pada ketika itu sedang berjalan kuat kuasanya;

"Speaker" maknanya Speaker yang dilantik mengikut makna Perkara 45 daripada Bahagian ini dan termasuklah mana-mana ahli memangku sebagai Speaker.

Kebebasan bercakap dan berbahas

2. Maka hendaklah ada kebebasan bercakap dan berbahas di dalam perjalananperjalanan Dewan itu dan kebebasan bercakap serta berbahas itu tidaklah boleh dituduh atau disoal di dalam mana-mana mahkamah atau mahkamah penyelesaian di luar Dewan itu.

Kebebasan ahli-ahli daripada perbicaraan mal atau jenayah kerana apa-apa perkara yang dibuat atau dikata di hadapan Dewan

3. Tidaklah boleh mana-mana ahli terkena kepada mana-mana perbicaraan mal atau jenayah, tangkapan, penjara atau tuntutan malu yang terbit dari sebab mana-mana perkara yang ia harus bawa dengan jalan rayu hal, Rang Undang-Undang, ketetapan, cadangan atau lainnya, atau yang ia telah berkata di hadapan Dewan atau mana-mana jawatankuasa.

Kuasa Dewan memerintahkan kehadiran saksi-saksi dan menunjukkan surat-surat

4. Dewan itu, dan mana-mana jawatankuasa yang diberi kuasa dengan suatu perintah Dewan supaya memanggil orang, mendapatkan surat-surat atau kertaskertas, bolehlah dengan tertakluk kepada syarat-syarat perenggan 7 dan 8, memerintahkan mana-mana orang supaya hadir di hadapan Dewan atau di hadapan jawatankuasa itu, dan memberi keterangan atau menunjukkan manamana kertas, buku, rekod atau surat yang di dalam milik atau di bawah jagaan orang yang tersebut itu.

Kehadiran hendaklah dimaklumkan dengan saman

5. Mana-mana perintah kerana hadir, kerana memberi keterangan atau kerana menunjukkan surat-surat di hadapan Dewan atau di hadapan mana-mana jawatankuasa hendaklah diberitahu kepada orang yang dikehendaki hadir

atau menunjukkan surat itu, dengan saman yang ditandatangani oleh Kerani Mesyuarat yang dikeluarkan dengan perintah Speaker dan di dalam tiap-tiap saman itu hendaklah disebutkan masa dan tempat orang yang dipanggil itu dikehendaki hadir dan surat-surat yang tertentu yang ia dikehendaki tunjuk, dan saman-saman itu hendaklah dihantar kepada orang yang tersebut namanya di dalam saman itu, sama ada diserahkan satu salinan daripadanya atau dengan meninggalkan satu salinan daripada saman itu di tempat kediamannya yang dia biasa tinggal atau yang akhir sekali diketahui ia tinggal dengan diserahkan kepada orang yang dewasa, dan hendaklah dibayar atau diberi kepada orang yang disaman itu jika ia tidak tinggal di dalam enam batu daripada tempat Dewan itu, sejumlah wang untuk perbelanjaannya sebagaimana ditetapkan oleh mana-mana Perintah Tetap bagi maksud itu.

Pemeriksaan saksi-saksi dengan sumpah

6. Dewan atau mana-mana jawatankuasa bolehlah berkehendakkan supaya mana-mana dalil, perkara-perkara dan benda-benda yang berkait dengan perkara pemeriksaan di hadapan Dewan atau jawatankuasa itu disahkan ataupun ditahkikkan dengan pemeriksaan saksi-saksi itu dengan mulut, dan bolehlah menyebabkan supaya mana-mana saksi itu diperiksa dengan sumpah yang boleh dijalankan oleh Speaker, atau Pengerusi jawatankuasa itu atau oleh orang yang dilantik khas bagi maksud itu.

Kelepasan daripada menjawab soalan-soalan atau menunjukkan surat-surat

7. Jika mana-mana orang yang diperintahkan supaya hadir kerana memberi keterangan atau untuk menunjukkan mana-mana kertas, buku, rekod atau surat keterangan di hadapan Dewan atau mana-mana jawatankuasa enggan menjawab mana-mana soalan yang harus dihadapkannya atau menunjukkan mana-mana kertas, buku, rekod atau surat dengan alasan bahawa benda-benda itu ialah barang-barang sulit seseorang (*private*) dan tidak mengenai dengan perkara penyiasatan itu, maka bolehlah Speaker, atau Pengerusi jawatankuasa, (menurutlah mana-mana satu yang berkenaan) merepotkan keengganan itu bersekali dengan sebab-sebab baginya, dan pada ketika itu bolehlah Dewan itu memaafkan daripada menjawab soalan itu ataupun daripada menunjukkan kertas, buku, rekod atau surat itu ataupun bolehlah memerintahkan supaya diberi jawapan atau ditunjukkan benda-benda itu.

Kebebasan saksi-saksi

8. (1) Tiap-tiap orang yang diperintahkan supaya hadir, kerana memberi keterangan, atau menunjukkan mana-mana kertas, buku, rekod atau surat di hadapan Dewan itu atau mana-mana jawatankuasa hendaklah terhak, berkenaan dengan keterangan atau pembukaan mana-mana surat perutusan atau menunjukkan mana-mana kertas, buku, rekod atau surat, kepada hak atau kebebasan yang sama seperti di hadapan sesebuah mahkamah undang-undang.

(2) Tidaklah boleh seseorang pegawai kerajaan –

- (a) menunjukkan di hadapan Dewan atau mana-mana jawatankuasa akan mana-mana kertas, buku, rekod atau surat; atau
- (b) memberi keterangan di atas mana-mana perkara itu di hadapan Dewan atau mana-mana jawatankuasa,

berkait dengan surat-surat bagi mana-mana angkatan tentera laut, darat, udara atau jabatan awam (sivil) atau yang berkait dengan mana-mana perkara yang mengenai perkhidmatan kerajaan, dikecuali dengan persetujuan Yang di-Pertuan Agong di dalam perkara jabatan tentera laut, darat, udara atau jabatan bagi Kerajaan Persekutuan ataupun dengan persetujuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau Yang di-Pertua Negeri, menurutlah mana-mana satu yang berkenaan, di dalam perkara sesebuah jabatan Negeri-Negeri Selat, dan tidaklah boleh diterima atau ditunjukkan di hadapan Dewan atau mana-mana jawatankuasa akan keterangan yang beralas mulut atau salinan bagi kandungan-kandungan mana-mana kertas, buku, rekod atau surat itu.

Surat akuan Speaker yang seorang saksi itu telah menjawab soalan-soalan yang dihadapkan kepadanya oleh Dewan

9. Tiap-tiap orang saksi di hadapan Dewan atau di hadapan sesuatu jawatankuasa yang menjawab dengan penuh dan dengan betul benar akan mana-mana soalan-soalan yang dihadapkan kepadanya oleh Dewan atau oleh jawatankuasa sehingga memuaskan hatinya hendaklah terhak mendapat satu surat akuan di bawah tandatangan Speaker atau Pengerusi jawatankuasa, menyatakan bahawa saksi itu telah dikehendaki menjawab di dalam pemeriksaannya dan telah menjawab akan mana-mana soalan itu.

Tegahan memberi keterangan di luar Dewan akan mana-mana keterangan di hadapan Dewan dengan tiada kebenaran Dewan

10. Tidaklah boleh mana-mana ahli atau pegawai Dewan dan tidaklah boleh jurutrengkas yang bekerja mengambil minit-minit atau keterangan di hadapan Dewan atau mana-mana jawatankuasa, memberi keterangan di tempat-tempat yang lain berkenaan dengan kandungan keterangan itu ataupun berkenaan dengan kandungan-kandungan mana-mana tulisan atau surat yang dibentangkan di hadapan Dewan atau mana-mana jawatankuasa atau berkenaan dengan mana-mana perjalanan-perjalanan atau pemeriksaan yang dijalankan di hadapan Dewan atau mana-mana jawatankuasa dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran khas daripada Dewan. Maka kebenaran khas itu bolehlah diberi selepas daripada pembubaran atau di dalam masa rehat atau penangguhan oleh Speaker atau di dalam masa ketiadaannya atau sebab-sebab yang lain, oleh Kerani Mesyuarat.

Peringatan-peringatan Dewan boleh diterima sebagai keterangan

11. Tatkala dibuat mana-mana penyiataan yang menyentuh kebebasan, kelebihan dan kuasa Dewan atau mana-mana ahli, maka mana-mana salinan peringatan-peringatan yang dicetak atau yang bererti telah dicetak oleh Pencetak Kerajaan

atau oleh atau dengan kuasa Dewan hendaklah diterima sebagai keterangan bagi peringatan-peringatan itu di dalam semua mahkamah-mahkamah dan tempat-tempat dengan tidak payah diberi keterangan yang salinan itu telah dicetak sedemikian itu.

Suratakuan Speaker menjadi suatu keterangan jawapan di dalam perbicaraan-perbicaraan yang dijalankan berkenaan dengan perisytiharan Dewan itu

12. Mana-mana orang yang menjadi orang yang kena dakwa di dalam mana-mana perbicaraan mal atau jenayah yang dijalankan bagi atau kerana atau berkenaan dengan siaran oleh orang itu atau oleh orang gajinya dengan perintah atau dengan kuasa Dewan atau mana-mana jawatankuasa, akan manamana penyata-penyata, kertas-kertas, minit-minit, undi-undi atau perjalanan-perjalanan mesyuarat itu bolehlah, setelah diberi dua puluh empat jam notis yang bertulis memberitahu akan hajatnya itu kepada orang yang mendakwa atau pendakwa (menurutlah mana-mana satu yang berkenaan), membawa ke hadapan mahkamah yang perbicaraan mal atau jenayah itu dijalankan, akan satu suratakuan di bawah tandatangan Speaker atau Kerani Mesyuarat, menyatakan bahawa penyata-penyata, kertas-kertas, minit-minit, undi-undi atau perjalanan-perjalanan mesyuarat berkenaan dengannya perbicaraan mal atau jenayah itu dijalankan, telah disiarkan oleh orang itu atau oleh orang gajinya dengan perintah atau dengan kuasa Dewan atau mana-mana jawatankuasa, bersama-sama dengan surat ikrar yang mengesahkan surat pengakuan itu, dan mahkamah itu hendaklah pada ketika itu dengan serta-merta memberhentikan perbicaraan mal atau jenayah itu dan perkara itu serta tiap-tiap perjalanan yang berlaku di dalamnya disifatkan sebagai telah diputuskan dengan muktamad.

Siaran-siaran yang dibebaskan

13. Di dalam mana-mana perbicaraan mal dan jenayah yang dijalankan kerana menyiarkan mana-mana cabutan atau ringkasan mana-mana penyata, kertas, minit-minit, undi-undi atau perjalanan mesyuarat, sebagaimana yang telah tersebut di dalam perenggan yang lepas, jika mahkamah itu ataupun juri, (menurutlah mana-mana satu yang berkenaan) puas hati bahawa cabutan atau ringkasan itu telah disiarkan dengan sebenar-benarnya dan bukan dengan sebab sakit hati, maka hukuman atau keputusan (menurutlah mana-mana satu yang berkenaan) hendaklah diberi bagi orang yang kena dakwa atau orang yang dituduh itu.

Speaker terus menjadi Yang di-Pertua

14. Dengan tidak mengendahkan keberhentian atau pembubaran Dewan, maka Speaker hendaklah terus menjadi sebagai Yang di-Pertua Dewan itu bagi maksud Jadual ini.

Ketetapan

Bahkan demikianlah Bahagian Yang Pertama bagi Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Negeri Kelantan.

Ucapan Doa

Mudah-mudahan dengan kemegahan junjungan Kita bahawa TUHAN seru sekalian Alam permuliakan Bahagian yang Pertama daripada Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Negeri ini selama-lamanya. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Diperbuat di Istana Balai Besar Kota Bharu pada dua puluh satu haribulan *Rabiulawal* Tahun 1367 *Hijrah* Nabi (*Sollallahu Alaihi Wasallam*) bersamaan dengan satu haribulan Februari tahun Masihi, 1948, iaitu tahun yang keempat Kita di atas Takhta Kerajaan.

PADA MENYAKSIKAN pengurniaan dan ketetapan Bahagian ini daripada Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Negeri ini serta persertaan dan persetujuan Pegawai-Pegawai Melayu Kanan, dan Orang-Orang Besar bagi Negeri ini, adalah sekalian Kita membubuh tandatangan masing-masing di bawah ini:

T.Y. PETRA (dalam tulisan Rumi)

ABDUL RAHMAN (dalam tulisan Jawi)

H. ZAINAL (dalam tulisan Rumi)

T. AHMED (dalam tulisan Rumi)

MAHMOOD BIN ISMAIL (dalam tulisan Jawi)

T.M. YUSUFF (dalam tulisan Rumi)

N.A. KAMIL (dalam tulisan Rumi)

T. MAHMOOD (dalam tulisan Rumi)

AHMED MAHER (dalam tulisan Jawi)

AHMED ZAINAL ABIDIN (dalam tulisan Jawi)

AHMED HAJI MAHMOOD (dalam tulisan Jawi)

MOHAMED DAUD BIN MOHAMED (dalam tulisan Jawi)

UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH
KERAJAAN KELANTAN

BAHAGIAN YANG KEDUA

(MOHOR) Tandatangan
(KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA)

*Alhamdulillah Rabbil Alamin, Wassolatu wassalamu ala Sayyidina
Muhammad wa ala Alihi wa Sohbihi ajmain*

ALWATHIQ BILLAHI IBRAHIM, Sultan dan Raja bagi Kerajaan dan jajahan Kelantan dan segala daerah Takluk, Raja dan Ketua bagi Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati, Raja dan Ketua bagi Darjah Kebesaran Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia, Raja dan Ketua bagi Darjah Kebesaran Jiwa Mahkota Kelantan, Ahli Pangkat Yang Pertama bagi Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati, Knight Commander bagi Darjah Kebesaran St.Michael dan St.George Yang Amat Terbilang:

BAHAWA KITA telah mengkurnia dan menjalankan pada 21 haribulan *Rabiulawal* tahun *Hijrah* 1367 Nabi *Sollallahu Alaihi Wasallam*, bersamaan dengan 1 haribulan Februari tahun 1948 Masihi, Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan, Bahagian Yang Pertama, yang digelarkan di dalam bahasa Inggeris "the Laws of the Constitution of Kelantan, First Part":

DAN JUGA KITA memikirkan bahawa munasabah pada masa ini KITA mengurniakan dan menjalankan Bahagian Yang Kedua kepada Undang-Undang yang tersebut itu:

MAKA YANG DEMIKIAN ADALAH KITA, dengan hak-hak dan kuat kuasa kelebihan KITA sebagai Sultan dan Raja bagi Negeri Kelantan dan dengan nasihat, persertaan dan persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Pegawai-Pegawai Melayu KITA Yang Kanan dan Orang-Orang Besar Negeri Kelantan KITA, DENGAN INI MENYATAKAN DAN MENITAHKAN dengan nama KITA, dan bagi pihak KITA, dan bagi dan kerana pihak Waris Ganti KITA, bagaimana yang tersebut kemudian daripada ini:

UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH

Bahagian Yang Kedua kepada Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan

1. Adapun Perkara-Perkara yang terkandung di dalam ini (yang kemudian daripada ini digelar "Bahagian ini") hendaklah menjadi Bahagian Yang Kedua kepada Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan, yang akan digelar di dalam bahasa Inggeris "the Laws of the Constitution of Kelantan, Second Part"; dan hendaklah dibaca bersekali dengan Perlembagaan Persekutuan dan Bahagian Yang Pertama kepada Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan dan hendaklah berjalan kuat kuasanya dengan serta-merta.

2. *(Dipotong oleh G.N. No. 182/1959).*

Kuasa-kuasa pada meminda

3. (1) Syarat-syarat yang berikut daripada Perkara ini hendaklah berjalan kuat kuasa berkenaan dengan pindaan Bahagian ini daripada Undang-Undang Perlembagaan Negeri.

(2) Syarat-syarat mengenai –

- (a) naik Takhta Kerajaan dan pangkat kebesaran adat istiadat Melayu;
- (b) pelantikan dan sifat seseorang bakal atau bakal-bakal Raja kepada Takhta Kerajaan, Raja Perempuan atau Pemangku Raja ataupun ahli-ahli Majlis Pangkuan Raja bagi Negeri;
- (c) pembuangan, menarik balik atau menurunkan daripada Takhta Raja itu atau bakal Raja ataupun bakal-bakal Rajanya;
- (d) pelantikan dan sifat Ketua-Ketua Pemerintah ataupun pangkat kebesaran adat istiadat Melayu yang serupa itu dan ahli-ahli Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu, Majlis Penasihat Raja ataupun badan-badan yang serupa itu; dan

- (e) penubuhan, aturan, pengesahan dan pelucutan pangkat-pangkat, gelaran, kehormatan, kebesaran adat istiadat Melayu dan pekurniaan serta sifat pemegang-pemegangnya dan kawalan bagi istana, balai-balai penghadapan dan istana-istana raja,

bolehlah dipinda oleh Yang Maha Mulia dengan Perwawai yang dikeluarkan dengan persertaan dan persetujuan Majlis Penasihat Raja, tetapi tidaklah boleh dipinda dengan mana-mana jalan yang lain.

(3) Mana-mana syarat yang lain bolehlah, dengan terkena kepada syarat-syarat Perkara ini, dipinda dengan satu undang-undang dari Badan Undangan, tetapi tidaklah boleh dipinda dengan mana-mana jalan yang lain.

(4) Sesuatu Rang Undang-Undang kerana membuat pindaan kepada mana-mana syarat daripada Bahagian ini, selain daripada syarat-syarat yang tersebut di dalam Fasal (2), hendaklah tidak dilulus oleh Dewan Negeri melainkan telah disokong pada masa Bacaan-Bacaan Kali Yang Kedua dan Yang Ketiga dengan undiundi yang tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli-ahli daripadanya.

(5) Di dalam Perkara ini "pindaan" termasuk tambahan dan pembatalan.

Pengertian

4. (1) Di dalam Bahagian ini, melainkan nasnya berkehendak pengertian yang lain -

"Ahlu 's Sunnah wal Jamaah" maknanya ialah mazhab Abu Al-Hassan Al-Asha'ri dan Abu Mansoor Al-Maturidi dan orang yang mengikut jejak langkah keduanya;

"Hukum Syarak" maknanya perhimpunan undang-undang yang diketahui di dalam bahasa Inggeris sebagai *"Islamic law"* atau *"the Law of the religion of Islam"*;

"Kerabat D'Raja" yang akan dipanggil di dalam bahasa Inggeris *"Member of the Royal Family"*, maknanya mana-mana seorang Melayu yang berdarah raja, yang beragama Islam dan keturunan zuriat Long Yunus;

"Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu" maknanya Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu yang ditubuhkan bagi masa itu di bawah mana-mana undang-undang yang bertulis;

"Majlis Penasihat Raja" maknanya ialah sebuah Majlis yang ditubuhkan di bawah syarat-syarat Bahagian ini;

"Majlis Perajaan Negeri" maknanya Majlis Perajaan Negeri yang ditubuhkan di bawah syarat-syarat Bahagian ini;

"Raja" maknanya Sultan dan Raja bagi Kelantan;

"Waris" yang digelar di dalam bahasa Inggeris "*Heir*", maknanya Putera Raja yang menjadi Bakal Raja kepada Takhta dan Kerajaan Kelantan;

"Waris Yang Kedua" yang digelar di dalam bahasa Inggeris "*Second Heir*"; maknanya Putera Raja yang setingkat di bawah Putera Raja yang menjadi Bakal Raja dan sebegitulah *Heir Presumptive* kepada Takhta dan Kerajaan Kelantan;

"Waris Yang Lain" yang digelar di dalam bahasa Inggeris "*Other Heir*", maknanya seorang Putera Raja yang berhak boleh mengambil tempat sama ada Waris Yang Kedua *Second Heir (Heir Presumptive)* atau Bakal Raja (*Heir Apparent*), iaitu, seorang yang boleh menjadi Bakal Raja kepada Takhta dan Kerajaan Kelantan, jika tempat-tempat dan pangkat-pangkat yang demikian itu tiada berisi.

(2) Melainkan di mana pengertian mana-mana perkataan atau sebutan adalah disyaratkan dengan terangnya oleh Bahagian ini atau di mana nasnya berkehendakkan pengertian yang lain, maka Perkara 4 daripada Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan Bahagian Yang Pertama hendaklah dipakai bagi memberi pengertian kepada Bahagian ini sebagaimana dipakainya bagi memberi pengertian kepada Bahagian Yang Pertama.

(3) Dengan tidak merosakkan apa-apa jua kuasa ulang bicara atau kuasa mengubah keputusan Mahkamah Persekutuan jika dalam sebarang pendakwaan di hadapan mahkamah lain maka jika berbangkit sesuatu hal yang akan terbit daripada apa-apa jua syarat dalam Perlembagaan Negeri maka, Mahkamah Persekutuan,

jika diminta oleh pihak yang mendakwa atau yang kena dakwa bolehlah memberi keputusan sama ada dengan sendiri atau ditentu kepada mahkamah lain bagi menjalankan keputusannya itu.

(4) Kebawah Duli Yang Maha Mulia bolehlah menyampaikan apa-apa perkara kepada Mahkamah Persekutuan bertanyakan fikirannya berkenaan dengan akibat apa-apa jua syarat daripada Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Negeri ini yang berbangkit atau yang nampak kepada Baginda harus akan berbangkit, dan Mahkamah Persekutuan hendaklah memasyhurkan dalam mahkamah pendapatnya itu berkenaan apa-apa jua perkara yang disampaikan kepadanya itu.

MAJLIS PERAJAAN NEGERI

Penubuhan Majlis Perajaan Negeri

5. Majlis Perajaan Negeri Kelantan, yang digelar di dalam bahasa Inggeris "Council of Succession of Kelantan" adalah dengan ini ditubuhkan.

Pengesahan naik Takhta

6. Tidaklah boleh siapa-siapa pun menaiki Takhta dan Kerajaan Kelantan melainkan kenaikannya itu disahkan oleh Majlis Perajaan Negeri.

Ahli dan pelantikan

7. Majlis Perajaan Negeri hendaklah terdiri daripada yang berikut, iaitu –

- (i) Yang di-Pertua;
- (ii) Timbalan Yang di-Pertua;
- (iii) Setiausaha Kerajaan, yang hendaklah menjadi Setiausaha Majlis;
- (iv) Mufti Kerajaan;
- (v) empat orang ahli Kerabat D'Raja; dan
- (vi) tidak kurang daripada enam orang dan tidak lebih daripada dua belas orang lain yang hendaklah daripada bangsa Melayu dan rakyat Raja Negeri,

yang hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Surat di bawah tandatangan Baginda dan Mohor Negeri dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, bertindak mengikut budi bicara Baginda mempunyai hak dan kuasa untuk membatalkan pelantikan atau membuang dan melepaskan mana-mana ahli Majlis Perajaan Negeri.

Sumpah

7A. Kecuali bagi maksud membolehkan Perkara ini dipatuhi, tiada seorang pun boleh mengambil tempat atau mengundi dalam Majlis sehingga dia telah mengangkat dan menandatangani di hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, atau seseorang lain yang diberi kuasa oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi maksud itu, sumpah yang berikut:

"Dengan Kebesaran Allah dan kelebihan Nabi Kami

Muhammad, saya,, yang telah dipilih dan diterima menjadi ahli Majlis Perajaan Negeri, atau "the Council of Succession", Negeri Kelantan, bersumpah bahawa saya akan menumpukan taat setia yang sebenar kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan; dan bahawa saya sentiasa sepanjang masa apabila dikehendaki berbuat demikian, akan memberikan nasihat dengan sebaikbaik pertimbangan saya; dan bahawa saya secara langsung atau tidak langsung tidak akan mendedahkan apa-apa perkara yang disampaikan kepada saya atau dibahas dalam Majlis dan yang saya dikehendaki merahsiakannya, dan bahawa saya akan memelihara, menjaga dan mempertahankan Perlembagaan Negeri Kelantan."

Tambahan kepada lafaz sumpah

7B. Kepada sumpah itu hendaklah ditambah apa-apa perkataan yang menurut agama Islam akan mengikat perasaan hati orang yang mengangkat sumpah itu.

Panggilan dan mesyuarat kerana mengesahkan kenaikan ke atas Takhta

8. (1) Lepas sahaja daripada mangkat atau turun Takhta daripada menjadi Raja atau lucut baginda daripada menjadi Raja di bawah syarat-syarat Bahagian ini, menurutlah mana-mana yang berlaku, maka hendaklah Setiausaha Kerajaan dengan perintah Yang

di-Pertua mengadakan satu mesyuarat setelah memanggil dengan notis tiap-tiap seorang ahli Majlis Perajaan Negeri yang akan dipersampaikan di alamatnya di dalam Negeri pada waktu dan tempat yang akan dinyatakan di dalam notis itu dan wajiblah di atas tiap-tiap seorang ahli Majlis Perajaan Negeri itu hadir pada waktu dan tempat itu melainkan ketiadaan hadirnya dimaafkan oleh Yang di-Pertua kerana sebab yang difikirkannya munasabah dan cukup memuaskan.

(2) Di dalam mesyuarat itu, maka hendaklah Majlis Perajaan Negeri mengesahkan bakal Raja itu menjadi Raja yang memerintah, melainkan setelah disiasat dengan sepenuh dan secukupnya Majlis itu berpendapatan ia ada mempunyai apa-apa kecacatan yang besar dan berat yang menyalahi sifat-sifat Raja seperti pengidapan yang berkekalan, buta, bisu ataupun mempunyai sifat-sifat yang keji yang tidak dibenarkan oleh Hukum Syarak menjadi Raja.

(3) Jika sekiranya Majlis Perajaan Negeri enggan mengesahkan bakal Raja itu daripada menjadi Raja, maka Majlis itu hendaklah dengan terkena kepada kuasa-kuasa yang bersamaan bagi menolak, mengesahkan Waris Yang Kedua dan: jika Majlis itu enggan juga mengesahkannya maka hendaklah disahkan Waris-Waris Yang lain mengikut tertibnya; dengan syarat boleh juga ditolak, sehingga Majlis Perajaan Negeri itu mengesahkan seorang daripada WarisWaris Yang Lain menjadi Raja, begitulah sampai ke akhirnya Majlis itu berkuasa menolaknya.

Pilihan dan pelantikan Raja apakala tiada Bakal-Bakal Waris yang berhakatau keengganan mengesahkan mana-mana Bakal Waris yang berhak itu

9. (1) Apakala Takhta Kerajaan Kelantan itu tertinggal kosong kerana tidak ada orang yang berhak di bawah syarat-syarat Perkara 17 daripada Bahagian ini, hendak disahkan menjadi Raja, atau, jika pun berhak, tetapi tidak disahkan, maka wajiblah di atas Majlis Perajaan Negeri memilih dan melantik mana-mana seorang menjadi Raja:

Dengan syarat bahawa orang yang hendak dipilih dan dilantik itu hendaklah seorang lelaki yang cukup umur, sempurna akal, daripada bangsa Melayu dan diperanakan dalam Negeri Kelantan, daripada bapanya yang juga telah diperanakan dalam Negeri Kelantan, rakyat Raja yang dahulu, beragama Islam bermazhab

Ahlu 's Sunnah wal Jamaah, daripada darah baik dan diakui sah dan halal peranakannya, serta ada pula pengetahuannya boleh membaca dan menulis bahasa Melayu, dan ada mempunyai nama baik, fahaman waras, tabiat perangai, budi pekerti dan tingkah laku yang baik dan terpuji.

(2) Setelah seorang itu dipilih dan dilantik di bawah syaratsyarat Fasal (1) daripada Perkara ini menjadi Raja, kemudian daripada itu maka keturunan yang akan berhak menjadi Raja hendaklah putera, cucunda putera, cicitnda putera dan sebagainya daripada sebelah lelaki, dari selapis ke selapis keturunan hingga akhirnya sekali, oleh itu hendaklah tidak dibenarkan sekali-kali dan hendaklah menjadi tidak sah jika dipilih menjadi Raja akan mana-mana orang selain daripada keturunan zuriat Raja yang dipilih dan dilantik seperti yang tersebut dahulu itu di bawah Fasal (1) daripada Perkara ini:

Dengan syarat bahawa keturunan zuriat Raja yang dipilih di bawah syarat-syarat Fasal ini tidak akan berhak, jika ia difikir dan ditetapkan, selepas disiasat dengan sepenuh dan secukupnya oleh Majlis Perajaan Negeri, ada mempunyai beberapa kecacatan yang besar dan berat yang menyalahi sifat Raja, iaitu apa-apa pengidapan yang berkekalan seperti hilang akal, buta, bisu ataupun mempunyai sifat-sifat yang keji yang tidak dibenarkan oleh Hukum Syarak menjadi Raja.

Panggilan Majlis Perajaan Negeri kerana memilih dan melantik Raja

10. (1) Apabila berlaku mana-mana satu kejadian yang tersebut di dalam Perkara 9 daripada Bahagian ini maka wajiblah Setiausaha Kerajaan dengan perintah Yang di-Pertua memanggil satu Mesyuarat Perajaan Negeri, yang akan dipersampaikan di alamatnya di dalam Negeri bagi maksud memilih dan melantik seorang untuk menjadi Raja sebagaimana yang disyaratkan di dalam Perkara yang tersebut itu.

(2) Maka wajiblah di atas tiap-tiap seorang ahli Majlis Perajaan Negeri itu hadir pada waktu dan tempat yang dinyatakan di dalam notis yang tersebut itu melainkan ketiadaan hadirnya dimaaf oleh Yang di-Pertua kerana sebab yang difikirkannya munasabah dan cukup memuaskan.

Pengundian dan keputusan-keputusan

11. (1) Mana-mana keputusan Majlis Perajaan Negeri tidak akan menjadi sah dan terpakai melainkan sekurang-kurangnya dua pertiga daripada ahli-ahli yang hadir dan mengundi itu bersetuju dengan keputusan itu.

(2) Mana-mana keputusan Majlis Perajaan Negeri tidak akan menjadi terbatal dengan sebab hanyalah ketiadaan hadir seorang ahli, sama ada ketiadaan hadir itu telah dimaaf oleh Yang di-Pertua atau tidak:

Dengan syarat jika mana-mana ahli yang ketiadaan hadirnya tidak dimaaf atau yang telah mungkir memberi huraian yang berpatutan kepada Yang di-Pertua, kerana ketiadaan hadirnya itu, maka terlucutlah ia dengan sendirinya daripada menjadi ahli Majlis Perajaan Negeri.

Persidangan-persidangan

12. (1) Tiada dibenarkan mana-mana orang yang lain daripada ahli hadir di dalam mana-mana persidangan Majlis Perajaan Negeri.

(2) Maka Yang di-Pertua bolehlah menangguhkan mana-mana persidangan Majlis Perajaan Negeri dari suatu masa ke suatu masa tetapi apabila sesuatu persidangan itu telah dimulakan hendaklah dijalankan terus hingga keputusan Majlis Perajaan Negeri itu telah diperbuat.

(3) Korum dalam mana-mana persidangan Majlis Perajaan Negeri hendaklah sekurang-kurangnya empat perlima daripada bilangan ahli, tidak termasuk Setiausaha Majlis.

Minit-minit dan rekod-rekod

13. (1) Maka minit-minit perjalanan di dalam tiap-tiap persidangan Majlis Perajaan Negeri itu hendaklah disimpan dengan tulisan oleh Setiausaha Kerajaan atau jika ia tiada hadir oleh seorang ahli yang akan dilantik bagi pihaknya itu oleh Yang di-Pertua.

(2) Rekod bagi tiap-tiap keputusan Majlis Perajaan Negeri hendaklah diperbuat dengan tulisan oleh Setiausaha Kerajaan dan hendaklah ditandatangani oleh Yang di-Pertua dan tandatangannya itu hendaklah disaksikan oleh Setiausaha Kerajaan.

(3) Tiap-tiap keputusan Majlis Perajaan Negeri hendaklah disiarkan di dalam *Warta* Kerajaan.

Persidangan Majlis Perajaan Negeri kerana memilih dan melantik Bakal Raja

14. (1) Apakala dikehendaki memilih dan melantik Bakal Raja, maka hendaklah Setiausaha Kerajaan dengan perintah Yang di-Pertua mengadakan persidangan Majlis Perajaan Negeri yang akan dipersampaikan di alamatnya di dalam Negeri, setelah memanggil dengan notis yang bertulis tiap-tiap seorang ahlinya pada waktu dan tempat yang akan dinyatakan di dalam notis itu dan wajiblah di atas tiap seorang ahli Majlis Perajaan Negeri itu hadir pada waktu dan tempat itu melainkan ketiadaan hadirnya dimaaf oleh Yang di-Pertua kerana sebab-sebab yang difikirkannya munasabah dan cukup memuaskan.

(2) Di dalam persidangan itu, maka Majlis Perajaan Negeri hendaklah menolong dan menasihatkan Raja di dalam memilih dan melantikkan Bakal Raja di antara keturunan zuriat-zuriat yang ditetapkan di dalam Perkara-Perkara 30 dan 31 mengikut tertib dan dengan terkena kepada syarat-syarat yang bersamaan bagaimana ditetapkan di dalam Perkara-Perkara yang tersebut itu.

(3) Persidangan Majlis Perajaan Negeri bagi maksud memilih dan melantik Bakal Raja itu hendaklah terkena kepada syaratsyarat yang ditetapkan di dalam Perkara-Perkara 11, 12 dan 13 Bahagian ini, yang mengaturkan suatu persidangan Majlis Perajaan Negeri bagi maksud memilih dan melantikkan Raja.

Takrif "Yang di-Pertua"

14A. Bagi maksud-maksud Perkara-Perkara 8, 9, 10, 11, 12, 13 dan 14 daripada Bahagian ini, "Yang di-Pertua" maknanya seorang Yang di-Pertua Majlis Perajaan Negeri yang dilantik di bawah Perkara 7 daripada Bahagian ini, dan jika ia meninggalkan Negeri ataupun keuzuran, termasuklah Timbalan Yang di-Pertua bagi Majlis Perajaan Negeri.

RAJA**Raja dan Bakal-Bakal Raja hendaklah orang Melayu daripada darah raja dan beragama Islam**

15. Dikecuali ada syarat yang berlainan di dalam Perkara 9 Bahagian ini, maka Raja hendaklah seorang Melayu yang berdarah raja, keturunan zuriat LONG YUNUS, Raja dan Pemerintah

Kelantan, seorang lelaki yang beragama Islam bermazhab *Ahlu's Sunnah wal Jamaah*; dan Bakal Raja, Waris Yang Kedua dan tiap-tiap seorang Waris-Waris yang lain itu hendaklah orang yang seumpama itu juga.

Keturunan zuriat Sultan Ismail Petra

16. (1) Dengan terkena kepada syarat-syarat yang terkandung di dalam Perkara 17 dan di dalam Perkara ini, maka Raja (kemudian daripada Raja yang sekarang) hendaklah keturunan zuriat yang diakui daripada tubuh badan dan darah daging **KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN ISMAIL PETRA IBNI AL-MARHUM SULTAN YAHYA PETRA** dan hendaklah diperanakkan dengan halalanya.

(2) Maka keturunan zuriat yang akan berhak menjadi Raja hendaklah putera, cucunda putera, cicitnda putera dan seterusnya daripada sebelah lelaki, dari selapis ke selapis keturunan hingga akhirnya sekali, oleh itu hendaklah tidak dibenarkan sekali-kali dan hendaklah menjadi tidak sah jika ditetap atau dipilih dan dilantikkan menjadi Raja mana-mana orang selain daripada keturunan zuriat Sultan Ismail Petra, selagi ada seorang keturunan zuriat Kebawah Duli Yang Maha Mulia seperti di atas itu:

Dengan syarat bahawa keturunan zuriat Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang tersebut itu tidak akan berhak, jika dia difikir dan ditetapkan, selepas disiasat dengan sepenuh dan secukupnya oleh Majlis Perajaan Negeri, ada mempunyai kecacatan yang besar dan berat yang menyalahi sifat Raja, iaitu apa-apa pengidapan yang berkekalan, seperti hilang akal, buta, bisu ataupun mempunyai sifat-sifat yang keji yang tidak dibenarkan oleh Hukum Syarak menjadi Raja.

Keturunan zuriat Al-Marhum Sultan Yahya Petra, Al-Marhum Sultan Ibrahim, Al-Marhum Tengku Long Senik Sultan Mohamed IV, Al-Marhum Sultan Mohamed 111 (Sultan Bongsu), Al-Marhum Sultan Ahmad (Sultan Tengah), Al-Marhum Sultan Mohamed 11 (Sultan Mulut Merah)

17. (1) Jika pada bila-bila masa keturunan zuriat lelaki daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra tidak ada langsung, atau jika ada tinggal seorang sahaja tetapi dia tidak

layak dijadikan Raja kerana sebab-sebab yang ditakrifkan di dalam Perkara 16 daripada Bahagian ini, maka mustahaklah dipilih dan dilantik menjadi Raja mana-mana orang di antara keturunan zuriat lelaki AL-MARHUM SULTAN YAHYA PETRA IBNI AL-MARHUM SULTAN IBRAHIM.

(2) Jika tiada keturunan zuriat lelaki daripada Al-Marhum Sultan Yahya Petra ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim, atau jika tiada keturunan zuriat lelaki daripada Al-Marhum Sultan Yahya Petra ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim yang difikirkan layak kerana sebab-sebab yang ditakrifkan di dalam Perkara 16 daripada Bahagian ini, maka mustahaklah dipilih dan dilantik menjadi Raja mana-mana orang di antara keturunan zuriat lelaki daripada AL-MARHUM TENGGU IBRAHIM IBNI AL-MARHUM SULTAN MOHAMED IV.

(3) Jika tiada keturunan zuriat lelaki daripada Al-Marhum Tengku Ibrahim ibni Al-Marhum Sultan Mohamed IV, atau jika tiada keturunan zuriat lelaki daripada Al-Marhum Tengku Ibrahim ibni Al-Marhum Sultan Mohamed IV, yang difikir layak, kerana sebab-sebab yang diertikan dalam Perkara 16 daripada Bahagian ini, maka mustahaklah dipilih dan dilantik menjadi Raja mana-mana orang di antara keturunan zuriat lelaki daripada AL-MARHUM TENGGU LONG SENIK SULTAN MOHAMED IV.

(4) Jika tidak ada keturunan zuriat lelaki daripada Al-Marhum Tengku Long Senik Sultan Mohamed IV atau jika tidak ada manamana seorang keturunan zuriat lelaki daripada Al-Marhum Tengku Long Senik Sultan Mohamed IV yang difikir berhak kerana sebabsebab yang diertikan di dalam Perkara 16 Bahagian ini, maka mustahaklah dipilih dan dilantikkan menjadi Raja mana-mana orang di antara keturunan zuriat lelaki daripada AL-MARHUM SULTAN MOHAMED III (SULTAN BONGSU).

(5) Jika tidak ada keturunan zuriat lelaki daripada Al-Marhum Sultan Mohamed III (Sultan Bongsu) atau jika tidak ada manamana seorang keturunan zuriat lelaki daripada Al-Marhum Sultan Mohamed III (Sultan Bongsu) yang difikirkan berhak kerana sebab-sebab yang diertikan di dalam Perkara 16 Bahagian ini, maka mustahaklah dipilih dan dilantikkan menjadi Raja mana-mana orang di antara keturunan zuriat lelaki daripada AL-MARHUM SULTAN AHMAD (SULTAN TENGAH).

(6) Jika tidak ada keturunan zuriat lelaki daripada Al-Marhum Sultan Ahmad (Sultan Tengah) atau jika tidak ada mana-mana seorang keturunan zuriat lelaki daripada Al-Marhum Sultan Ahmad (Sultan Tengah) yang difikirkan berhak kerana sebabsebab yang diertikan di dalam Perkara 16 Bahagian ini, maka mustahaklah dipilih dan dilantikkan menjadi Raja mana-mana orang di antara keturunan zuriat lelaki daripada AL-MARHUM SULTAN MOHAMED 11 (SULTAN MULUT MERAH).

(7) Tidaklah boleh sesiapa pun dipilih dan dilantikkan menjadi Raja mengikut syarat-syarat yang terkandung di dalam Perkara ini melainkan ia seorang lelaki yang diakui daripada darah yang sejati lagi halal.

Ketiadaan keturunan zuriat Al-Marhum Sultan Yahya Petra, Al-Marhum Sultan Ibrahim, Al-Marhum Tengku Long Senik Sultan Mohamed IV, Al-Marhum Sultan Mohamed 111 (Sultan Bongsu), Al-Marhum Sultan Ahmad (Sultan Tengah), Al-Marhum Sultan Mohamed 11 (Sultan Mulut Merah)

18. (1) Jika tidak ada orang yang berhak di bawah syarat-syarat Perkara 17 Bahagian ini, maka pilihan dan pelantikan Raja itu hendaklah terserah kepada timbangan, pandangan dan keputusan Majlis Perajaan Negeri dan mereka hendaklah menetapkan pilihan dan pelantikan mereka sama ada dengan sebulat suara atau dengan suara ramai seperti yang disyaratkan dahulu di dalam Perkara 11:

Dengan syarat bahawa orang yang hendak dipilih dan dilantik itu hendaklah seorang lelaki yang cukup umur, sempurna akal, daripada bangsa Melayu dan peranakan di dalam Negeri Kelantan daripada bapanya yang juga telah diperanakkan di dalam Negeri Kelantan, rakyat Raja yang dahulu, beragama Islam bermazhab *Ahlu 's Sunnah wal Jamaah*, daripada darah baik dan diakui sah dan halal peranakannya serta ada pula pengetahuannya boleh membaca dan menulis bahasa Melayu, dan ada mempunyai nama baik, fahaman waras, tabiat perangai, budi pekerti dan tingkah laku yang baik dan terpuji.

(2) Jika orang yang dipilih dan dilantik menjadi Raja itu bukan daripada darah raja, maka syarat-syarat Perkara 15 Bahagian ini hendaklah tidak terpakai tetapi perkara itu hendaklah disifatkan satu pengecualian yang sah.

Raja belum cukup umur dan Majlis Pangkuan Raja

19. (1) Jika seorang Raja naik Takhta Kerajaan Negeri Kelantan sebelum umurnya genap dua puluh satu tahun, mengikut hitungan tahun Masihi, hendaklah tidak disifatkannya cukup umur, dan, di dalam tempoh belum cukup umurnya itu, hendaklah ditubuhkan sebuah Majlis Pangkuan Raja.

(2) Majlis Pangkuan Raja itu hendaklah mengandungi tidak kurang daripada tiga orang dan ahli-ahlinya hendaklah daripada bangsa Melayu dan peranakan dalam Negeri Kelantan, yang beragama Islam bermazhab *Ahlu's Sunnah wal Jamaah*, dan rakyat Raja, dan seorang daripadanya hendaklah daripada ahli Kerabat D'Raja.

(3) Dengan tidak mengendahkan apa-apa yang bertentangan mengandungi di dalam Bahagian ini, ahli-ahli Majlis Pangkuan Raja hendaklah dipilih oleh Majlis Perajaan Negeri dan hendaklah dilantik dengan Surat Cara serta dicop Mohor Negeri, yang ditandatangani oleh Yang di-Pertua Majlis Perajaan Negeri, pelantikan yang mana hendaklah disiarkan di dalam *Warta Kerajaan*.

20. (*Dipotong oleh G.N. No. 182/1959*).

Tempoh di antara kemangkatan Raja dan pengesahan Penggantinya

21. (1) Di dalam tempoh di antara kemangkatan atau turun Takhta atau lucut daripada Kerajaannya di bawah syarat-syarat Bahagian ini, menurutlah mana-mana yang berlaku, dan penggantinya telah pun disah oleh Majlis Perajaan Negeri (kemudian daripada ini digelar "tempoh yang tersebut") maka tidaklah mustahak ditubuhkan Majlis Pangkuan Raja.

(2) Maka Raja yang kenaikannya telah disah oleh Majlis Perajaan Negeri hendaklah disifatkan telah menjadi Raja bila sahaja mangkat Raja yang terdahulu daripadanya dan kesemua perbuatan-perbuatan yang dilakukan mengikut undang-undang dalam Negeri ini dalam tempoh yang tersebut itu oleh mana-mana Majlis Mesyuarat, pihak yang berkuasa kerajaan atau pegawai kerajaan, yang bermakna telah dilakukan bagi pihak Raja atau dengan kebenaran daripada Raja atau dengan kerana kelebihan Raja

atau di bawah mana-mana syarat Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan ataupun Perlembagaan Persekutuan itu, hendaklah disifatkan menjadi sah dengan tidak boleh disoal lagi.

Tempoh di antara kemangkatan Raja dengan pelantikan Penggantinya

22. Di dalam tempoh di antara kemangkatan Raja dengan pilihan dan pelantikan Raja baharu di bawah syarat-syarat Perkara 9 Bahagian ini, maka hendaklah ditubuhkan sebuah Majlis Pangkuan Raja dan syarat-syarat Fasal-Fasal (2) dan (3) Perkara 19 Bahagian ini hendaklah terpakai kepada penubuhan itu.

Pangkuan Raja

22A. (1) Maka hendaklah ada satu Pangkuan Raja di dalam Negeri apabila berlaku keadaan yang berikut, iaitu-

- (a) jika Ke bawah Duli Yang Maha Mulia ada sebab meninggal Negeri lebih daripada tiga puluh hari;
- (b) jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia gering tidak boleh menjalankan hal ehwal Negeri; atau
- (c) jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia dipilih memegang jawatan atau menjalankan tanggungan-tanggungan Yang di-Pertuan Agong bagi tempoh lebih daripada lima belas hari.

(2) Di dalam perkara apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia berhajat meninggal Negeri, maka hendaklah Baginda melantik seorang Pemangku Raja, atau Majlis Pangkuan Raja sebagaimana nampak kepadanya berpatutan pada menjalankan tanggungantanggungannya di dalam masa peninggalannya daripada Negeri.

(3) Dalam perkara kegeringan Raja itu maka Majlis Perajaan Negeri hendaklah melantik seorang Pemangku Raja atau Majlis Pangkuan Raja sebagaimana nampak kepadanya berpatutan dan jika mustahak melantikkan satu Majlis Pangkuan Raja, maka syarat-syarat Fasal-Fasal (2) dan (3) Perkara 19 daripada Bahagian ini hendaklah dipakai bagi pelantikan yang seumpama itu.

(4) Maka Raja hendaklah melantik seorang Pemangku Raja atau satu Majlis Pangkuan Raja sebagaimana nampak kepadanya berpatutan pada menjalankan tanggungan-tanggunggannya sebagai Raja jikalau Baginda dipilih memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong atau Baginda menjalankan tanggungan-tanggungan Yang di-Pertuan Agong bagi tempoh lebih daripada lima belas hari.

(5) Maka Pemangku Raja atau Majlis Pangkuan Raja ini hendaklah berhenti menjalankan kerja apabila Raja itu pulang ke Negeri atau apabila Baginda sembuh daripada kegeringan atau keberhentian Baginda memegang jawatan ataupun menjalankan tanggungan-tanggungan Yang di-Pertuan Agong, menurutlah manamana yang berlaku.

Upahan bagi Raja atau Majlis Pangkuan Raja

22B. Maka hendaklah dibayar kepada Pemangku Raja atau Majlis Pangkuan Raja di dalam mana-mana tempoh yang Pemangku Raja atau Majlis Pangkuan itu dilantik di bawah syarat-syarat Bahagian ini kerana menjalankan kelebihan Raja dan menunaikan kewajipan-kewajipan Raja akan wang sebagaimana yang ditetapkan dengan ketetapan Dewan Negeri dan dikenakan di atas Kumpulan Wang Yang Disatukan tambahan kepada mana-mana wang yang orang atau orang-orang yang dilantik itu boleh mendapat dengan jalan lain daripada wang kerajaan:

Dengan syarat bahawa jumlah wang kena dibayar itu hendaklah tidak lebih daripada elaun yang akan dibayar kepada Raja di bawah Perlembagaan ini ataupun mana-mana undang-undang lain yang bertulis.

Kelucutan Takhta Kerajaan kerana lama meninggalkan Negeri

23. (1) Maka Raja tidaklah boleh meninggalkan Negeri Kelantan selama lebih daripada dua belas bulan berturut-turut, mengikut takwim Masihi, dan, jika Baginda melakukan demikian, maka seorang Pengganti hendaklah dipilih dan dilantik mengikut syarat-syarat Bahagian ini, melainkan jika Majlis Perajaan Negeri berpendapat bahawa peninggalan Raja dengan lama itu ada sebab yang cukup dan boleh dimaafkan.

(2) Jika sekiranya Raja melanggar syarat-syarat Fasal (1) Perkara ini, maka Baginda hendaklah disifatkan tidak lagi menjadi Raja dan telah menarik diri daripada Negeri ini dan daripada hak-hak dan tuntutan-tuntutannya di atas Negeri ini:

Dengan syarat bahawa Dewan Negeri bolehlah, kiranya difikir layak, mengadakan kerana perbelanjaan hidup bekas Raja, akan elaun yang hendaklah tidak lebih daripada separuh bahagian dan tidak kurang daripada satu pertiga daripada wang yang ditetapkan bagi perbelanjaan hidup pada masa Baginda menjadi Raja yang memerintah Negeri; dan mana-mana elaun yang seumpama itu hendaklah dikenakan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan.

(3) Tidaklah apa-apa di dalam Perkara ini terpakai kepada Sultan semasa Baginda memegang jawatan atau menjalankan tanggungan-tanggungan Yang di-Pertuan Agong.

Kelucutan Takhta Kerajaan kerana kecacatan yang besar dan berat

23A. (1) Jika sekiranya setelah disiasat dengan sepenuhnya dan secukupnya, Majlis Perajaan Negeri berpendapat bahawa Raja ada mempunyai apa-apa kecacatan yang besar dan berat yang menyalahi sifat-sifat Raja, yang tidak dibenarkan oleh Hukum Syarak untuk menjadi Raja, maka seorang Pengganti hendaklah dipilih dan dilantik oleh Majlis Perajaan Negeri untuk menjadi Raja mengikut syarat-syarat di bawah Bahagian ini.

(2) Jika sekiranya Raja telah digantikan dengan seorang Pengganti mengikut Fasal (1) Perkara ini maka Baginda hendaklah disifatkan tidak lagi menjadi Raja dan telah menarik diri daripada Negeri ini dan daripada hak-hak dan tuntutan-tuntutannya di atas Negeri ini.

Dengan syarat bahawa hendaklah Baginda terhak kepada elaun seumur hidup, akan dikenakan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan, yang hendaklah ditetapkan oleh Dewan Negeri; dan elaun itu yang hendaklah tidak kurang daripada separuh daripada jumlah yang ditetapkan bagi perbelanjaan hidupnya pada masa Baginda menjadi Raja yang memerintah, dan berhaklah di dalam masa hidupnya mendapat sebuah tempat kediaman yang layak yang disediakan berserta perkakas alatan dan perhiasan dengan kakitangan kediaman serta kenderaan yang munasabah dan sesuai kerana memelihara tarafnya. Maka gelaran Baginda hendaklah tertukar dengan sendirinya daripada “Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan” kepada “Duli Yang Maha Mulia Sultan (nama tubuh).

Raja turun Takhta Kerajaan

24. (1) Maka Raja bolehlah turun daripada Takhta Kerajaan dengan kesukaannya sendiri dan melepaskan hak-hak dan kuasanya dirajanya.

(2) Jika pada masa turun daripada Takhta itu Kerajaan, Raja ada dalam Negeri ini, maka perbuatan turun daripada Takhta Kerajaan itu hendaklah diperbuat dengan Surat Cara yang ditandatangani olehnya dan dimeterai dengan Mohor Kerajaan dan Surat Cara itu hendaklah disaksi oleh Yang di-Pertua dan sekurang-kurangnya empat orang ahli lain daripada Majlis Perajaan Negeri yang hendaklah hadir bersama-sama ketika Raja menurunkan tandatangan di atas Surat Cara yang tersebut itu:

Dengan syarat bahawa, perbuatan turun daripada Takhta Kerajaan itu hendaklah disiasat dan disahkan terlebih dahulu oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(3) Jika pada masa turun daripada Takhta Kerajaan, Raja tidak ada dalam Negeri ini, maka perbuatan turun daripada Takhta Kerajaan itu hendaklah diperbuat bagi pihak Raja dengan Surat Cara yang dimeterai dengan Mohor Kerajaan dan ditandatangani oleh Yang di-Pertua dan sekurang-kurangnya empat orang ahli lain daripada Majlis Perajaan Negeri yang hendaklah hadir bersamasama ketika Surat Cara itu ditandatangani:

Dengan syarat bahawa perbuatan turun daripada Takhta Kerajaan hendaklah disiasat dan disahkan terlebih dahulu oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(4) Apabila Surat Cara turun daripada Takhta Kerajaan disiarkan di dalam *Warta* Kerajaan, maka Raja hendaklah disifatkan tidak lagi menjadi Raja dan telah menarik diri daripada Negeri ini dan daripada hak-hak dan tuntutan-tuntutannya di atas Negeri ini:

Dengan syarat bahawa hendaklah Baginda terhak kepada elaun seumur hidup, akan dikenakan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan, yang hendaklah ditetapkan oleh Dewan Negeri; dan elaun itu yang hendaklah tidak lebih daripada separuh daripada jumlah yang ditetapkan bagi perbelanjaan hidupnya pada masa Baginda menjadi Raja yang memerintah, dan berhaklah di dalam masa hidupnya mendapat sebuah tempat kediaman yang layak yang disediakan berserta perkakas alatan dan perhiasan yang munasabah kerana memelihara tarafnya.

Pilihan Raja baharu

25. Apabila Raja berhenti daripada menjadi Raja mengikut syarat-syarat Perkara 23, 23A atau 24, maka mustahaklah dipilih dan dilantik seorang Raja baru mengikut syarat-syarat Perkara-Perkara 15 hingga 18 di dalam ini.

RAJA PEREMPUAN

Kuasa melantik Raja Perempuan Kelantan

26. (1) Raja dengan nasihat Majlis Perajaan Negeri bolehlah melantik Isterinya menjadi Raja Perempuan Kelantan:

Dengan syarat ia seorang Melayu beragama Islam dan menjadi seorang isteri Raja yang berkahwin dengan mengikut Hukum Syarak dan undang-undang yang berjalan kuasa pada masa perkahwinan itu.

(2) Sekiranya berlaku kemangkatan Raja atau penggantian Raja maka gelaran Isterinya itu hendaklah bertukar dengan sendirinya daripada "Raja Perempuan (Kelantan)" kepada "Yang Maha Mulia Raja Perempuan (nama tubuh)", dan jikalau berlaku perceraian hidup maka gelaran itu hendaklah terlucut dengan sendirinya.

(3) Raja Perempuan hendaklah terhak menerima elaun yang akan dikenakan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan, yang hendaklah ditetapkan oleh Dewan Negeri; dan elaun itu hendaklah tidak kurang daripada satu perempat daripada jumlah wang yang ditetapkan bagi perbelanjaan hidup Raja yang memerintah:

Dengan syarat bahawa, kiranya lucut gelaran disebabkan oleh perceraian hidup maka elaunnya itu bolehlah ditimbangkan semula oleh Dewan Negeri.

**Raja yang dipilih sebagai atau menjalankan tanggungan-
tanggungan Yang di-Pertuan Agong**

(4) Dengan tidak mengendahkan syarat-syarat Fasal (3), maka hendaklah tidak dibayar mana-mana elaun-

- (a) kepada Raja atau Raja Perempuan bagi Raja itu yang menyandang gelaran Raja Perempuan bersabit dengan mana-mana tempoh yang Raja itu dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong; atau
- (b) kepada Raja bersabit dengan mana-mana tempoh yang lebih daripada lima belas hari yang Raja itu menjalankan tanggungan-tanggungan Yang di-Pertuan Agong.

WARIS

Pelantikan Waris

27. (1) Maka pilihan dan pelantikan Bakal Raja hendaklah diperbuat oleh Raja dengan nasihat Majlis Perajaan Negeri, yang hendaklah melihat kepada kelayakan-kelayakan anak yang sulung, kepada yang lebih dekat darjah Waris Raja dahulu daripada yang lebih jauh, mengikut Hukum Syarak, dan di dalam setiap-tiap darjah, Waris kepada yang tertua, dahulu daripada yang muda.

Pengurniaan Waris

(2) Maka bolehlah Raja, dengan nasihat Majlis Perajaan Negeri, mengurniakan kepada Waris, akan gelaran TENGKU MAHKOTA, Kelantan, yang akan dinamakan di dalam bahasa Inggeris sebagai "Crown Prince of Kelantan".

Waris-Waris tidak boleh mengganggu di dalam hal ehwal Negeri

28. Maka Waris hendaklah tiada mempunyai sebarang kuasa pun pada mengambil bahagian dan tidaklah harus mengganggu di dalam mana-mana hal ehwal Negeri atau Kerajaan, melainkan hanyalah apabila ia mendapat titah daripada Raja amnya atau di dalam mana-mana perkara yang tertentu ataupun bagaimana yang boleh dikuasakan di bawah Bahagian ini, dan syarat ini hendaklah terpakai juga kepada Waris-Waris yang lain:

Dengan syarat jika sekiranya mana-mana orang itu dilantik menjadi pegawai dalam Negeri, maka Perkara ini hendaklah tidak terpakai pada menjalankan tanggungan-tanggungananya tatkala memegang jawatan itu.

Waris-Waris hendaklah orang Melayu daripada darah raja yang beragama Islam

29. Dikecuali ada syarat yang berlainan di dalam Perkara 31 Bahagian ini, maka Waris hendaklah orang Melayu daripada darah raja, keturunan zuriat Raja-Raja Kelantan, seorang lelaki yang beragama Islam, bermazhab *Ahlu 's Sunnah wal Jamaah*, tiap-tiap seorang daripada Waris yang lain itu hendaklah orang yang seumpama itu juga.

Keturunan zuriat Sultan Ismail Petra

30. (1) Maka Waris hendaklah anak yang diperanakan daripada nikah yang halal mengikut Hukum Syarak dan undang-undang yang berjalan kuasa pada masa itu dan diakui daripada tubuh badan dan darah daging **KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN ISMAIL PETRA IBNI AL-MARHUM SULTAN YAHYA PETRA.**

(2) Maka keturunan zuriat yang akan berhak menjadi Waris hendaklah putera, cucunda putera, cicitnda putera dan sebagainya daripada sebelah lelaki, dari selapis ke selapis keturunan hingga akhirnya sekali, oleh itu hendaklah tidak dibenarkan sekali-kali dan hendaklah menjadi tidak sah jika dilantik menjadi Waris akan mana-mana orang selain daripada keturunan zuriat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra, selagi ada seorang keturunan zuriat Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang tersebut di atas itu:

Dengan syarat keturunan zuriat Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang tersebut di atas itu tidak akan berhak, jika ia difikir dan ditetapkan, selepas disiasat dengan sepenuh dan secukupnya oleh Majlis Perajaan Negeri, ada mempunyai kecacatan yang besar dan berat yang menyalahi sifat Waris, iaitu, apa-apa pengidapan yang berkekalan, seperti hilang akal, buta, bisu atau pun mempunyai sifat-sifat yang keji yang tidak dibenarkan oleh Hukum Syarak menjadi Waris.

Keturunan zuriat Al-Marhum Sultan Yahya Petra, Al-Marhum Sultan Ibrahim, Al-Marhum Tengku Long Senik Sultan Mohamed IV, Al-Marhum Sultan Mohamed 111 (Sultan Bongsu), Al-Marhum Sultan Ahmad (Sultan Tengah), Al-Marhum Sultan Mohamed 11 (Sultan Mulut Merah)

31. (1) Jika pada bila-bila masa keturunan zuriat lelaki daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra tidak ada langsung, atau jika ada tinggal seorang sahaja tetapi ia tidak layak dijadikan Waris kerana sebab-sebab yang ditakrifkan di dalam Perkara 30 apabila dikehendaki memilih dan melantik Waris itu, maka mustahaklah dipilih dan dilantik menjadi Waris mana-mana orang di antara keturunan zuriat lelaki AL-MARHUM SULTAN YAHYA PETRA IBNI AL-MARHUM TENGGU IBRAHIM.

(2) Jika tiada keturunan zuriat lelaki daripada Al-Marhum Sultan Yahya Petra ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim atau jikalau tiada keturunan zuriat lelaki daripada Al-Marhum Sultan Yahya Petra ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim yang difikir layak kerana sebab-sebab yang ditakrifkan di dalam Perkara 30, apabila dikehendaki memilih dan melantik Waris itu, maka mustahaklah dipilih dan dilantik menjadi Waris mana-mana orang di antara keturunan zuriat lelaki AL-MARHUM TENGGU IBRAHIM IBNI AL-MARHUM SULTAN MOHAMED IV.

(3) Jika tiada keturunan zuriat lelaki daripada Al-Marhum Tengku Ibrahim ibni Al-Marhum Sultan Mohamed IV atau jikalau tiada keturunan zuriat lelaki daripada Al-Marhum Tengku Ibrahim ibni Al-Marhum Sultan Mohamed IV yang difikir layak, kerana sebab-sebab yang diertikan di dalam Perkara 30, apabila dikehendaki memilih dan melantik Waris itu, maka mustahaklah dipilih dan dilantik menjadi Waris mana-mana orang di antara keturunan zuriat lelaki AL-MARHUM TENGGU LONG SENIK SULTAN MOHAMED IV.

(4) Jika tidak ada keturunan zuriat lelaki daripada Al-Marhum Tengku Long Senik Sultan Mohamed IV atau jika tidak ada manamana seorang keturunan zuriat lelaki daripada Al-Marhum Tengku Long Senik Sultan Mohamed IV, yang difikir berhak, kerana sebab-sebab yang diertikan di dalam Perkara 30, bila dikehendaki dipilih dan dilantik Waris itu, maka mustahaklah dipilih dan dilantik sebagai Waris, mana-mana seorang di antara keturunan zuriat lelaki daripada AL-MARHUM SULTAN MOHAMED III (SULTAN BONGSU).

(5) Jika tidak ada keturunan zuriat lelaki daripada Al-Marhum Sultan Mohamed III (Sultan Bongsu) atau jika tidak ada manamana seorang keturunan zuriat lelaki daripada Al-Marhum Sultan Mohamed III (Sultan Bongsu) yang difikir berhak, kerana sebabsebab yang diertikan di dalam Perkara 30, bila dikehendaki dipilih dan dilantik Waris itu, maka mustahaklah dipilih dan dilantik sebagai Waris, mana-mana seorang di antara keturunan zuriat lelaki daripada AL-MARHUM SULTAN AHMAD (SULTAN TENGAH).

(6) Jika tidak ada keturunan zuriat lelaki daripada Al-Marhum Sultan Ahmad (Sultan Tengah) atau jika tidak ada mana-mana seorang keturunan zuriat lelaki daripada Al-Marhum Sultan Ahmad (Sultan Tengah) yang difikir berhak, kerana sebab-sebab yang diertikan di dalam Perkara 30, bila dikehendaki dipilih dan dilantik Waris itu, maka mustahaklah dipilih dan dilantik sebagai Waris, mana-mana seorang di antara keturunan zuriat lelaki daripada AL-MARHUM SULTAN MOHAMED 11 (SULTAN MULUT MERAH).

(7) Tidak boleh siapa-siapa pun dipilih dan dilantik menjadi Waris mengikut syarat-syarat yang terkandung di dalam ini melainkan ia seorang lelaki yang diakui daripada darah yang sejati lagi halal.

Waris meninggalkan Negeri dengan lama

32. (1) Maka Waris tidaklah boleh meninggalkan Negeri Kelantan selama lebih daripada dua belas bulan berturut-turut, mengikut takwim Masihi, dan, jika ia melakukan demikian, maka seorang Pengganti bolehlah dipilih dan dilantik mengikut syarat-syarat Bahagian ini, melainkan jika Majlis Perajaan Negeri berpendapat bahawa peninggalan Waris dengan lama itu ada sebab yang cukup dan boleh dimaafkan.

(2) Jika sekiranya Waris itu melanggar syarat-syarat Fasal (1) Perkara ini, maka ia hendaklah disifatkan tidak lagi menjadi Waris dan telah menarik diri daripada Negeri ini, dan daripada hak-hak dan tuntutan-tuntutannya di atas Negeri ini:

(3) *(Dipotong oleh Enakmen A16)*

Dengan syarat bahawa Dewan Negeri bolehlah, jika difikirkannya layak, mengadakan kerana perbelanjaan hidup bekas Waris itu, akan elaun yang hendaklah tidak lebih daripada separuh bahagian dan tidak kurang daripada satu pertiga daripada wang yang ditetapkan bagi perbelanjaan hidupnya pada masa ia menjadi Waris; dan mana-mana elaun yang seumpama itu hendaklah dikenakan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan.

Melucutkan dirinya daripada menjadi Waris

33. (1) Maka Waris itu bolehlah melucutkan dirinya daripada menjadi Waris dengan kesukaannya sendiri dan melepaskan hak-hak dan kuasa-kuasa dirajanya.

(2) Jika, pada masa melucutkan dirinya daripada menjadi Waris dan melepaskan hak-hak dan kuasa-kuasa dirajanya, Waris itu ada tinggal dalam Negeri ini, maka perbuatan melucutkan dirinya daripada menjadi Waris dan melepaskan hak-hak dan kuasanya dirajanya itu, hendaklah diperbuat dengan Surat Cara yang ditandatangani olehnya dan dimeterai dengan Mohor Kerajaan dan Surat Cara itu hendaklah disaksi oleh Yang di-Pertua dan sekurang-kurangnya empat orang ahli lain daripada Majlis Perajaan Negeri yang hendaklah hadir bersama-sama ketika Waris itu menurunkan tandatangan di atas Surat Cara yang tersebut itu:

Dengan syarat bahawa perbuatan melucutkan dirinya daripada menjadi Waris dan melepaskan hak-hak dan kuasa-kuasa dirajanya itu hendaklah disiasat dan disahkan terlebih dahulu oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(3) Jika, pada masa melucutkan dirinya daripada menjadi Waris dan melepaskan hak-hak dan kuasa-kuasa dirajanya, Waris itu tidak ada dalam Negeri ini, maka perbuatan melucutkan dirinya daripada menjadi Waris itu hendaklah diperbuat bagi pihak Waris itu dengan Surat Cara yang dimeterai dengan Mohor Kerajaan dan ditandatangani oleh Yang di-Pertua dan sekurang-kurangnya empat

orang ahli lain daripada Majlis Perajaan Negeri yang hendaklah hadir bersama-sama ketika Surat Cara itu ditandatangani:

Dengan syarat bahawa perbuatan melucutkan dirinya daripada menjadi Waris itu hendaklah disiasat dan disahkan terlebih dahulu oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(4) Apabila Surat Cara melucutkan dirinya daripada menjadi Waris dan melepaskan hak-hak dan kuasa-kuasa dirajanya disiarkan di dalam *Warta Kerajaan*, maka Waris itu hendaklah disifatkan tidak lagi menjadi Waris dan telah menarik diri daripada Negeri ini dan daripada hak-hak dan tuntutan-tuntutannya di atas Negeri ini:

Dengan syarat bahawa hendaklah ia terhak kepada elaun seumur hidup, akan dikenakan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan, yang hendaklah ditetapkan oleh Dewan Negeri; dan elaun itu yang hendaklah tidak lebih daripada separuh daripada jumlah yang ditetapkan bagi perbelanjaan hidupnya pada masa ia menjadi Waris dan, berhaklah di dalam masa hidupnya mendapat sebuah tempat kediaman yang layak yang disediakan berserta perkakas alatan dan perhiasan yang munasabah kerana memelihara tarafnya.

PERKARA AM

Kelantan tidak boleh diserahkan

34. (1) Maka hendaklah tidak menjadi sah bagi Raja atau manamana orang lain atau mana-mana perkumpulan orang menyerah atau memberikan Negeri takluk jajahan Kelantan atau mana-mana bahagian daripadanya.

(2) Tidaklah apa-apa di dalam Perkara ini akan menyebabkannya tidak sah bagi Raja membuat satu perjanjian dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja bagi Negeri-Negeri Melayu membatalkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dan Perjanjian Kelantan tahun 1948, dan mengadakan syarat kerana Perlembagaan dan Kerajaan bagi sesebuah Persekutuan yang baru dan merdeka, di dalam Negeri-Negeri British Komanwel, daripada Negeri-Negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat Melaka, dan Pulau Pinang dan lain-lain jajahan yang boleh diterima masuk Persekutuan itu dari suatu masa ke suatu masa.

(3) Fasal (2) daripada Perkara ini hendaklah berjalan kuat kuasa dahulu sedikit daripada 5 haribulan Ogos 1957.

Elaun

35. (1) Tidaklah boleh siapa-siapa pun dalam Negeri berhak mendapat daripada hasil-hasil Negeri mana-mana elaun, selain daripada elaun yang kena dibayar mengikut Undang-Undang ini atau mana-mana undang-undang yang bertulis yang berjalan kuat kuasa pada masa itu dalam Negeri, melainkan elaun-elaun itu telah dilulus oleh Dewan Negeri dari suatu masa ke suatu masa.

(2) Maka Raja hendaklah terhak mendapat elaun, yang akan dikenakan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan, yang hendaklah ditetapkan dengan ketetapan Dewan Negeri; dan elaun itu hendaklah berpadanan dan berpatutan bagi memelihara pangkat dan martabat kebesaran Raja itu dan dalam mentaksirkan elaun itu, tidaklah dibenarkan diambil kira mana-mana pendapatan yang terdapat daripada hartanya sendiri.

(3) Waris itu hendaklah, dari semenjak diputerakannya terhak mendapat elaun, yang akan dikenakan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan, yang hendaklah ditetapkan dengan ketetapan Dewan Negeri; dan elaun itu hendaklah berpadanan dan berpatutan bagi memelihara pangkat dan martabat kebesarannya dan, menjadi sebanyak tidak kurang daripada separuh elaun Raja semasa dikurniakan gelaran Tengku Mahkota di bawah Perkara 27 Bahagian ini dan apabila mentaksirkan elaun itu tidaklah dibenarkan diambil kira akan mana-mana pendapatan yang terdapat daripada hartanya sendiri atau daripada mana-mana punca yang lain dan hendaklah di dalam masa hidupnya mendapat sebuah tempat kediaman yang layak yang disediakan berserta perkakas alatan dan perhiasan yang munasabah kerana memelihara tarafnya.

(4) Elaun-elaun hidup hendaklah dibayar daripada hasil-hasil Negeri mengikut kadar yang akan ditetapkan oleh Undang-Undang Negeri atau dilulus oleh Dewan Negeri dari suatu masa ke suatu masa kepada Putera-Putera dan Puteri-Puteri seorang Raja:

Dengan syarat juga bahawa Raja dengan persertaan Majlis Mesyuarat Kerajaan, bolehlah menetap, memberhenti, menahan atau membezakan elaun itu jika nampak layak diperbuat begitu.

(5) Mana-mana orang yang menerima suatu elaun mengikut Fasal yang telah lepas yang memegang mana-mana jawatan di dalam Kerajaan Negeri bolehlah mendapat gaji bagi jawatan itu sebagai tambahan kepada elaun itu.

(6) Dengan tidak mengendahkan syarat-syarat Fasal (2) maka Raja hendaklah tidak terhak mendapat mana-mana elaun di bawah Perkara ini berkenaan dengan mana-mana tempoh yang Baginda dipilih kepada jawatan Yang di-Pertuan Agong atau berkenaan dengan mana-mana tempoh yang lebih daripada lima belas hari yang Baginda menjalankan tanggungan-tanggungan Yang di-Pertuan Agong.

MAJLIS PENASIHAT RAJA

Penubuhan Majlis Penasihat Raja

36. (1) Majlis Penasihat Raja Kelantan, yang digelar dalam bahasa Inggeris "the Council of Advisers, Kelantan" adalah dengan ini ditubuhkan bagi maksud menolong dan menasihatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam menjalankan tanggungjawabnya.

(2) Majlis Penasihat Raja hendaklah mengandungi Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Tengku Mahkota serta ahli-ahli yang berikut, iaitu-

- (a) Setiausaha Sulit kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang hendaklah menjadi Setiausaha Majlis itu;
- (b) Mufti Kerajaan; dan
- (c) tidak kurang daripada lapan dan tidak lebih daripada enam belas orang ahli lain,

yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan ditandatangani dan dicop Mohor Negeri di antara mereka yang pada fikirannya telah menyumbangkan pekerjaan yang cemerlang kepada Kerajaan ataupun yang telah mendapat kepujian di dalam pekerjaan, perusahaan, pertanian, pergerakan-pergerakan pertanian atau perkhidmatan-perkhidmatan perubatan.

(3) Seseorang hendaklah tidak boleh dilantik menjadi ahli Majlis Penasihat Raja jika ianya, dan hendaklah tidak tetap menjadi seorang ahli jika ia menjadi-

- (a) sama ada seorang ahli Majlis Parlimen atau pun Dewan Negeri bagi sesebuah Negeri;

(b) seorang pegawai atau pekerja daripada mana-mana pihak yang berkuasa tempatan atau daripada satu badan yang ditubuh atau pihak yang berkuasa yang ditubuhkan oleh undang-undang bagi maksud am;

(c) seorang ahli daripada persatuan buruh atau daripada satu badan atau pun kesatuan yang bergabung dengan manamana persatuan buruh.

(4) *(Dipotong oleh Kn. L.N. 8/1964).*

(5) Maka hendaklah ahli-ahli Majlis Penasihat Raja terhak kepada suatu elaun yang berpatutan mengikut kadar yang akan ditetapkan oleh Dewan Negeri.

(6) Melainkan jika ternyata sebaliknya dalam Surat Cara pelantikan atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang bertindak menurut budi bicara Baginda, tiap-tiap pelantikan sedemikian hendaklah disifatkan telah dibuat selama tempoh dua tahun dari tarikh pelantikan itu.

(7) Walau apa pun apa-apa yang terkandung terdahulu daripada ini, orang yang menjadi ahli Majlis Penasihat Raja sebaik sebelum kemangkatan Raja memerintah, hendaklah berhenti menjadi ahli Majlis Penasihat Raja selepas kemangkatan Raja memerintah itu.

Sumpah

36.(1) Melainkan bagi maksud membolehkan Perkara ini diturut, maka tidaklah boleh seseorang ahli itu duduk atau mengundi di dalam Majlis Penasihat Raja sehingga ia telah mengangkat sumpah dan menandatangani di hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau di hadapan seorang yang dikuasakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana itu, akan akuan sumpah bagaimana yang berikut:

"Dengan Kemegahan Tuhan dan dengan Kelebihan Penghulu Saya Nabi Muhammad, adalah saya, setelah dipilih dan dimasukkan kepada Majlis Penasihat Raja, bagi Negeri Kelantan, bersumpah bahawa saya pada tiap-tiap masa apabila dikehendaki akan memberi dengan seterusnya nasihat-nasihat saya setakat mana dalam daya upaya timbangan saya kepada Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Sultan ialah bagi kesempurnaan urusan hal ehwal Negeri yang tersebut itu; dan bahawa tidaklah saya dengan terus atau dengan tidak terusnya bukakan apa-apa perkara yang telah disampaikan kepada saya atau yang telah dibahas di dalam Majlis Penasihat Raja dan diserahkan bagi pegangan rahsia saya, dan bahawa saya akan memelihara, menjaga dan mempertahankan Perlembagaan bagi Negeri Kelantan."

(2) Kepada sumpah itu hendaklah ditambah apa-apa perkataan yang menurut kepercayaan agamanya akan mengikat perasaan hati orang yang mengangkat sumpah itu.

Permohonan berhenti

38. Mana-mana ahli Majlis Penasihat Raja bolehlah memohon berhenti daripada menjadi ahli dan kiranya permohonannya itu diterima oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, maka ianya hendaklah dilepaskan daripada kewajipan itu dan berhenti daripada menjadi ahli Majlis Penasihat Raja.

Pelantikan semula

39. Mana-mana orang yang telah menjadi ahli Majlis Penasihat Raja dan telah memohon berhenti daripada Majlis itu mengikut peraturan yang ditetapkan dahulu daripada ini masih boleh dipilih dan dilantik semula sebagai ahli Majlis Penasihat Raja.

Panggilan mesyuarat

40. Majlis Penasihat Raja hendaklah bersidang dan bermesyuarat apabila dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Setiausaha.

Cukup bilangan

41. (1) Notis persidangan hendaklah diberi kepada sekalian ahli Majlis Penasihat Raja yang ada dalam Negeri di dalam masa yang secukup supaya membolehkan mereka hadir di dalam persidangan itu.

(2) Majlis Penasihat Raja hendaklah tidak terganggu daripada menguruskan apa-apa pekerjaan kerana sebab ada kekosongan di antara ahlinya:

Dengan syarat tidak boleh diuruskan apa-apa pekerjaan melainkan tangguhan persidangan sahaja sekiranya dibantah oleh mana-mana ahli yang hadir bahawa ada kurang daripada separuh bilangan ahli-ahli yang hadir selain daripada Sultan atau ahli yang mengetuai.

(3) (*Dipotong oleh G.N. No. 182/1959*).

Pembuangan

42. Kebawah Duli Yang Maha Mulia mempunyai hak dan kuasa pada membuang dan memecatkan mana-mana ahli Majlis Penasihat Raja daripada Majlis itu mana-mana jua daripada rakan-rakannya sekiranya ahli itu telah melakukan mana-mana kesalahan yang berat atau jika ahli itu melalui kelakuan atau perkataannya telah menunjukkan perbuatan yang tidak setia atau tidak taat kepada Baginda.

Dan pembuangan serta pemecatannya daripada Majlis itu bolehlah juga ataupun tidak disertai dengan hukuman yang lain atau ianya bolehlah juga ataupun tidak dilucutkan daripada atau diturunkan pangkatnya (kiranya ia ada pangkat atau gelaran) sebagaimana ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada masa menimbang kesalahan ahli itu.

Gelaran dan kebesaran

43. (1) Maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah pangkal segala kemuliaan dan kebesaran dalam Negeri ini dan Bagindalah sahaja boleh mengurniakan gelaran dan kebesaran serta mengadakan Pangkat-Pangkat Kemuliaan, Pingat-Pingat Kebesaran dan Kehormatan, dan jika perkara mengadakan mana-mana Pangkat Kemuliaan atau Pingat Kehormatan dan Kebesaran itu akan mengenai perbelanjaan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan, maka mustahaklah mendapat kebenaran Dewan Negeri.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan nasihat Majlis Penasihat Raja bolehlah melantik dan mengurniakan gelaran "AMPUAN MAHKOTA" kepada Isteri Warisnya yang menjadi Tengku Mahkota:

Dengan syarat Isteri Waris itu seorang Melayu beragama Islam bermazhab *Ahlu 's Sunnah wal Jamaah*, yang berkahwin dengan Waris itu mengikut Hukum Syarak dan undang-undang yang berjalan kuasa pada masa perkahwinan itu.

(3) "Ampuan Mahkota" hendaklah berhak mendapat elaun, yang akan dikenakan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan yang hendaklah ditetapkan dengan ketetapan Dewan Negeri, dan elaun itu hendaklah berpadanan dan berpatutan bagi memelihara martabat kebesarannya yang hendaklah tidak kurang daripada satu perlima daripada elaun Tengku Mahkota.

(4) Sekiranya berlaku kemangkatan Waris maka gelaran isterinya itu hendaklah bertukar dengan sendirinya daripada "Ampuan Mahkota Kelantan" kepada "Ampuan Mahkota (nama tubuh) dan jikalau berlaku perceraian hidup, maka gelaran itu hendaklah terlucut dengan sendirinya:

Dengan syarat kiranya lucut gelaran disebabkan oleh perceraian hidup, maka elaun boleh ditimbang semula oleh Dewan Negeri.

Mengadakan gelaran Bendahara, Temenggong, Laksamana, Panglima, dan lain-lain pangkat dan gelaran yang biasa dipakai dahulu

44. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia mempunyai hak mengada, melantik, dan menggelar daripada kerabatnya sama ada yang jauh atau yang dekat, seorang lelaki menjadi Bendahara atau Temenggong, atau Laksamana atau Panglima dan mengkurniakan kepada mana-mana orang lain, sama ada Kerabat D'Raja atau lainnya, akan mana-mana gelaran yang pada zaman dahulu telah ada atau telah biasa dipakai dalam Negeri Kelantan.

(2) Di dalam mana-mana perkara yang seumpama itu maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah menyelesaikan dan menentukan pada masa pelantikan akan pangkat, kedudukan, pekerjaan dan kewajipan, jika ada, bagi orang itu dan sama ada gelaran yang dikurniakan itu akan jadi turun temurun atau tidak:

Dengan tidak mengendahkan mana-mana pendapatan sama ada daripada hartanya sendiri atau daripada yang lain, maka hendaklah dikurniakan akan elaun yang berpatutan dan berpadanan, mengikut kadar yang akan ditetapkan dengan ketetapan Dewan Negeri

dan yang hendaklah dikenakan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan kepada mana-mana orang yang dikurniakan gelaran mengikut Perkara ini.

Sumpah

44A. Tertakluk kepada peruntukan Perkara 44c Bahagian ini, setiap orang yang dilantik menjadi Bendahara atau Temenggong atau Laksamana atau Panglima atau dikurniakan mana-mana gelaran di bawah Perkara 44 Bahagian ini hendaklah mengangkat sumpah taat setia dan menandatangani di hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, atau di hadapan orang lain yang diberi kuasa secara bertulis oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, bagi maksud itu, sumpah yang berikut:

"Saya,, setelah dilantik menjadi/dikurniakan gelaran bersumpah bahawa saya akan menumpukan taat setia yang sejati kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan, Waris-Waris dan PenggantiPengganti Baginda dan bahawa saya akan memelihara, menjaga dan mempertahankan kehormatan Gelaran ini dan Perlembagaan Negeri Kelantan."

Tambahan kepada lafaz sumpah

44B. Kepada sumpah itu hendaklah ditambah perkataan-perkataan yang, menurut agamanya, mengikat perasaan hati orang yang mengangkat sumpah itu.

Pengecualian mengangkat dan/atau menandatangani sumpah

44C. Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh mengecualikan mana-mana orang daripada mengangkat dan/atau menandatangani sumpah yang dikehendaki oleh Perkara 44A, Bahagian ini.

Kuasa menurunkan pangkat

45. (1) Maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia bolehlah menurunkan pangkat mana-mana orang yang telah dikurniakan kepadanya mana-mana pangkat atau gelaran atau Pingat-Pingat

Kehormatan mengikut syarat-syarat Perkara 43 atau 44 Bahagian ini, jika ada cukup kesalahan atau dosa yang telah dilakukan yang mengharuskan diperbuat demikian itu.

(2) Jika orang yang diturunkan pangkat itu ada menyandang pangkat atau gelaran yang berturun temurun, maka hendaklah dilantik orang lain oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi menyandang pangkat atau gelaran itu, yang kemudian daripada itu hendaklah jadi kekal turun temurun mengikut cara yang diperintah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan persertaan Majlis Penasihat Raja.

Hak-hak kelebihan dan milik raja

46. Bagi maksud menerangkan dan dengan tidak mengurangkan segala hak-hak kelebihan dan milik raja yang sehingga itu telah dipunyai atau digunakan oleh Raja, maka hak-hak kelebihan dan milik raja yang berikut, di antara lain-lainnya, adalah dengan ini terserah kepada Raja:

- (a) Pancuran Kemuliaan;
- (b) Pancuran Keadilan;
- (c) Pancuran Rahmat;
- (d) Ketua bagi Agama Negeri;
- (e) Pengawal Adat Istiadat Melayu;
- (j) Tuanpunya Tanah Yang Sebenar dan Muktamad.

Jiwa Kedaulatan

47. Di dalam bentukan sifat-sifat Jiwa Kedaulatan Raja, yang tersebut di bawah inilah menjadi anggotanya:

- (a) Jiwa Kedaulatan Raja tidak boleh membuat salah; (b)

Jiwa Kedaulatan Raja disifatkan tidak mangkat.

Kemuliaan

48. Maka hendaklah Jiwa Kemuliaan Kedaulatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia disalutkan kepada tubuh badan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan begitu jua dengan mana-mana istana Baginda yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari suatu masa ke suatu masa.

Balai penghadapan dan istana raja

49. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia, jika Baginda suka bolehlah membuat peraturan-peraturan dari suatu masa ke suatu masa bagi balai penghadapan dan istananya bagi melantikkan pegawai-pegawai balai penghadapan dan istananya, bagi mengaturkan segala adat istiadat dan bagi menyempurnakan pekerjaan pegawai-pegawai balai penghadapan dan istana Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan orang yang bertanggungjawab bagi pekerjaan-pekerjaan adat istiadat, dan tatkala membuat begitu hendaklah memandangkan kepada adat istiadat Negeri ini, jika ada.

(2) Tiadalah sesuatu yang terkandung di dalam ini akan disifat merendahkan kekuasaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang am itu sebagai Pangkal segala Kehormatan dan Kebesaran dalam Negeri.

Darjah, Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat yang tersebut di dalam Perwawai No. 2 Tahun 1939 (Persiaran 221 Tahun 1939) diperkekalkan selama-lamanya

50. Maka hendaklah tujuh jenis Darjah-Darjah yang ada sekarang dipakai selama-lamanya dan diperkekalkan bagaimana rupa dan keadaannya yang ada itu juga, iaitu "Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (Al-Yunusi)", "Darjah Kebesaran Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (Al-Muhammadi)", dan "Darjah Kebesaran Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (Al-Ismaili)", "Darjah Kebesaran Kesatria Mahkota Kelantan Yang Amat Perkasa (Al-Yahyaw)", "Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (Al-Ibrahimi)", "Darjah Kebesaran Jasa Mahkota Kelantan Yang Amat Setia (Al-Petrawi)" dan "Darjah Pahlawan Yang Amat Gagah Perkasa (P.Y.G.P.)" dan Bintang-Bintang "Sri Mahkota Kelantan", "Sri Kelantan" dan "Ahli Kelantan", serta Pingat-Pingat yang sekarang "Pingat Bakti", "Pingat Perangai Baik", "Pingat Taat", dan "Pingat Peringatan Pembukaan Mesyuarat" hendaklah dipakaikan selama-lamanya dan diperkekalkan sebagai pekurniaan kerana keberanian dan kerana jasa-jasa yang cemerlang dan taat setia yang dipersembahkan kepada Negeri dan kepada Raja menurutlah mana-mana yang berlaku.

51. (Dipotong oleh G.N. No. 182/1959).

Kelebihan Raja tersimpan

52. Melainkan bagaimana yang tersebut di dalam ini, maka Bahagian ini hendaklah tidak menyentuh kelebihan-kelebihan kuasa dan takluk kuasa Raja.

Penyudahan dan ucapan doa

Demikianlah Bahagian Yang Kedua bagi Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Negeri Kelantan mudah-mudahan .dengan kemegahan junjungan Kita bahawa Tuhan seru sekalian Alam permuliakan Bahagian Yang Kedua daripada Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Negeri ini selama-lamanya, *Amin! Ya Rabbal Alamin!*

Diperbuat di Istana Balai Besar Kota Bharu pada 25 haribulan *Zulhijjah* tahun 1375 *Hijrah* Nabi *Sollallahu alaihi Wassallam* bersamaan dengan 2 haribulan Ogos, tahun Masihi 1956 iaitu tahun Yang Kedua Belas Kita di atas Takhta Kerajaan.

PADA MENYAKSIKAN pekurniaan dan ketetapan Bahagian ini daripada Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Negeri ini serta persertaan dan persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan, dan Pegawai-Pegawai Melayu Yang Kanan, dan Orang-Orang Besar Negeri ini adalah Kita sekalian menurunkan tandatangan masing-masing di bawah ini:

YAHYAPETRA (dalam tulisan Jawi) (Tengku Mahkota)	H. ZAINAL (dalam tulisan Rumi) (Tengku Sri Maharaja)
MOHAMED DAUD BIN MOHD (dalam tulisan Jawi) (Dato' Aria D'Raja)	T.AHMED (dalam tulisan Rumi) (Tengku Panglima Raja)
AHMED MAHIR (dalam tulisan Jawi) (Haji Ahmed Mahir)	T.M. YUSUFF (dalam tulisan Rumi) (Tengku Sri Laksamana)
T.MAHAMOOD (dalam tulisan Rumi) (Tengku Kaya Pahlawan)	AHMED ISMAIL (dalam tulisan Jawi) (Dato' Lela Negara)
AHMED BIN MAHAMOOD (dalam tulisan Jawi) (Dato' Sri Nara D'Raja)	ISMAIL IBRAHIM (dalam tulisan Jawi) (Che Ismail bin Ibrahim)
YUSOFF ZAKI YACOB (dalam tulisan Jawi) (Che Yusoff Zaki bin Haji Yacob)	YAHYA DAUD (dalam tulisan Jawi) (Haji Nik Yahya bin Nik Daud)